

Hak Spiritual Pengguna Dalam Penyelesaian Pertikaian Perbankan Islam Di Indonesia

(Spiritual Rights of Consumers in Islamic Banking Dispute Resolution in Indonesia)

RO'FAH SETYOWATI
SAKINA SHAIK AHMAD YUSOFF

ABSTRAK

Hak spiritual pengguna merupakan satu bentuk daripada pematuhan syariah yang memberikan jaminan kesesuaian dengan syariah. Permasalahannya, sebagai suatu hak bagi pengguna, hak spiritual pengguna kurang diberikan perhatian. Justeru hak ini diperjuangkan. Selain itu, dalam konteks penyelesaian pertikaian pengguna perbankan Islam di Indonesia, masih terdapat pelbagai isu, sama ada dalam bidang undang-undang, institusi dan mekanismenya. Kajian ini berobjektifkan memperkenalkan konsep hak spiritual pengguna, mengenal pasti pelbagai isu sedia ada, serta menemukan usaha-usaha yang dilakukan bagi mengukuhkan hak spiritual pengguna dalam penyelesaian pertikaian perbankan Islam. Dengan mengguna pakai metode analisis kandungan yang berteraskan pendekatan doktrinal, kajian ini mendapati bahawa usaha-usaha yang diperlukan, selain pengubalan polisi, termasuklah memperkenalkan pelbagai bentuk lain, antaranya, hala tuju perbankan Islam yang berorientasi undang-undang dari OJK, Keputusan Mahkamah Konstitusi dan beberapa PERMA, sama ada bagi pengukuhan institusi yang relevan, dan pembaikan kualiti hakim, serta mekanisme dalam penyelesaian pertikaian perbankan Islam yang cepat dan cekap. Dengan pelbagai usaha yang dicadangkan, diharapkan dapat mempertingkatkan kepercayaan pengguna terhadap perbankan Islam hingga semakin berjaya menyokong masyarakat yang sejahtera.

Kata Kunci: Hak spiritual; pengguna; penyelesaian pertikaian; perbankan Islam; Indonesia

ABSTRACT

The consumer's spiritual rights are a form of syariah compliance, which provides assurance of conformity with syariah principles. The problem is, the existence of consumer spiritual rights has not been given fair attention. Thus, these rights need to be fought. In addition, in the context of Islamic banking dispute resolution in Indonesia, there are still some issues, whether in the field of law, institutions and mechanism. The objective of this study is to introduce the concept of consumer's spiritual rights, to identify existing problems and to propose efforts to be taken to strengthen consumer's spiritual rights in the settlement of Islamic banking disputes. Adopting the legal analysis method based on the doctrinal approach, this study found that efforts to be taken, besides introducing policies, are to introduce other forms, among others, Islamic banking roadmap that uses the legal paradigm from OJK, Constitutional Court Decision and some PERMA for strengthening the relevant institutions, and enhancing the quality of judges, as well as mechanisms for resolving Islamic banking dispute in a fast and efficient manner. With these efforts, it is hope to increase customers' confidence in Islamic banking to the extent that the system be more successful and help in supporting the establishment of a prosperous society.

Keywords: Spiritual rights; consumer; dispute resolution; Islamic banking; Indonesia

PENGENALAN

Dari perspektif pengguna, konsep perlindungan pengguna adalah penting untuk mempertingkatkan sosio-ekonomi pengguna dan seterusnya mempertingkatkan kualiti kehidupan komuniti.¹ Selain itu, dari perspektif peniaga, maka pada asasnya, konsep perlindungan pengguna juga dalam kerangka memartabatkan kedudukannya. Perkara demikian seperti mana diisytiharkan oleh Azhari² bahawa kedudukan dan peranan pengguna bagi memastikan kesinambungan sesebuah perniagaan adalah begitu penting. Oleh itu, memperhatikan keperluan pengguna pada asasnya adalah usaha bagi mengekalkan perniagaan itu sendiri dalam konteks jangka panjang.

Konsep perlindungan bagi pengguna dalam konteks kajian ini adalah dikhaskan kepada perbankan Islam. Lebih khusus lagi, fokus kajian adalah terhadap hak berasaskan kepentingan pengguna Muslim dalam aspek spiritualiti yang bersumber daripada agama Islam. Hak spiritual yang dimaksudkan adalah hak mendapatkan perkhidmatan selari dengan asas-asas Islam dalam semua aktiviti yang berkaitan dengan perbankan Islam. Keperluan perlindungan sedemikian dapat disebut sebagai 'perlindungan syariah'.³ Oleh itu, hak yang dimaksudkan ini diperkenalkan sebagai 'hak spiritual' pengguna. Dalam konteks yang lebih luas, hak spiritual dapat pula dihubungkan dengan konsep *spiritual justice*. Kenyataan tentang "*Spiritual Justice is Social Justice*"⁴ membuktikan bahawa aspek spiritual mempunyai hubungan yang kuat dengan keadilan sosial yang merupakan perkara asas bagi komuniti secara keseluruhannya.

Keperluan memberikan perhatian terhadap pengguna dalam konteks perbankan Islam mempunyai hujah yang kuat memandangkan perbankan Islam mempunyai perbezaan cukup penting berbanding perbankan konvensional. Perbezaan ini mengkhusus pada wujudnya aspek spiritual atas falsafah penubuhannya sehingga operasional dan penyelesaian pertikaian yang berlaku.⁵ Aspek spiritual sebagaimana yang dimaksudkan boleh dibuktikan dengan persyaratan wujudnya pengawalan *syariah compliance* dalam setiap institusi perbankan Islam.⁶

Hujah di atas semakin kukuh memandangkan perkembangan perbankan Islam di Indonesia menunjukkan trend meningkat, walaupun telah mengalami pertumbuhan yang perlahan. Pertumbuhan perbankan Islam nasional sebelumnya menguasai 4.81% *market share per* Jun 2016.⁷ Sehingga September 2016, perbankan Islam telah tumbuh menjadi 5.13% dari seluruh aset Bank Umum.⁸ Prestasi tersebut telah melampaui sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 5%. Selain itu, secara global, bersama Qatar, Saudi Arabia, Malaysia, United Arab Emirates dan Turki, Indonesia dianggap sebagai kekuatan pendorong kewangan Islam di masa hadapan. Industri kewangan Islam termasuk perbankan Islam Indonesia masih berpotensi untuk berkembang dan berpengaruh secara global.⁹ Perbankan memainkan peranan yang sangat penting dalam penubuhan suatu negara kerana pelbagai aktiviti ekonomi dan bisnis tidak lepas dari kewujudan perbankan.¹⁰

Perlambatan pertumbuhan *market share* di Indonesia seperti mana dimaksudkan di atas, antaranya, disebabkan oleh kurangnya peranan pemerintah dalam membantu perbankan syariah.¹¹ Kenyataan tersebut boleh dilihat berdasarkan terhadapnya perhatian pemerintah dalam bentuk sokongan berupa regulasi atau peraturan, serta penempatan dana negara pada perbankan Islam Indonesia. Sementara di sisi lain, di masa hadapan

cabaran untuk mempertingkatkan penguasaan pasar dijangkakan tidak semakin mudah. Realiti demikian memperlihatkan bahawa Pemerintah bersikap setengah hati untuk membantu pertumbuhan ekonomi syariah di Indonesia, khususnya perbankan Islam.¹² Malahan Indonesia memiliki peluang yang cukup besar untuk menjadi *trendsetter* kewangan syariah dunia, hal ini terlihat dari sejumlah bank sentral negara lain meminta BI memberi latihan, seperti negara Bangladesh dan Tanzania.

Berbeza dengan pelbagai negara yang mendapat sokongan penuh oleh pemerintah, negara-negara ini mengalami pertumbuhan dan perkembangan yang sangat pantas, tidak hanya dapat bersaing dengan perbankan konvensional, tetapi juga mampu menjadi perbankan Islam terbesar, seperti Iran dan Malaysia yang menduduki tangga pertama dan kedua dalam industri kewangan syariah global. Namun negara-negara seperti Turki dan Sudan yang mana sokongan pemerintahnya separuh hati, memperlihatkan kemajuan perbankan Islam yang tidak begitu signifikan.¹³

Dari sudut lain, perhatian terhadap aspek undang-undang dalam ekonomi syariah dapat berperanan sebagai alat untuk memenuhi, melindungi dan memajukan hak masyarakat, dalam konteks kesejahteraan dan keadilan yang bersifat spiritual (perekonomian syariah).¹⁴ Oleh itu, dalam kerangka mencapai pertumbuhan mapan perbankan Islam, kajian-kajian dalam aspek hukum dalam mengembangkan perbankan syariah merupakan cara lain dalam membantu mengembangkan perbankan Islam. Hal demikian disebabkan undang-undang boleh memberikan keuntungan yang besar secara langsung mahupun tidak langsung bagi seluruh pihak dalam ekonomi syariah. Seterusnya, dinamik perbankan Islam diharapkan dapat mewujudkan kepercayaan komuniti dan mengangkat kesedaran masyarakat terhadap pentingnya peranan perbankan Islam bagi kesejahteraan masyarakat yang mengarah kepada keadilan sosial (*social justice*). Oleh itu, perbankan Islam yang sebelumnya merupakan alternatif dalam bertransaksi kewangan, mestilah menjadi keperluan dalam aktiviti ekonomi nasional dan internasional.¹⁵

Seiring dengan pertumbuhan pantas ekonomi Islam, maka perhatian kepada hak spiritual dalam sistem penyelesaian pertikaian pun turut menyumbang bagi ekonomi Islam masa hadapan. Menurut Ramlan,¹⁶ pemikiran tentang konsep penyelesaian pertikaian ekonomi Islam menjadi penting untuk dibicarakan disebabkan dua hal. *Pertama*, melalui pendekatan sistem, maka salah satu sub sistem penting bagi tegaknya ekonomi Islam ialah menemukan model penyelesaian pertikaian ekonomi Islam yang adil bagi para pihak yang bertikai. Erti 'adil' di sini bukanlah sama rata dan sama rasa, tetapi bermaksud tidak berbuat zalim antara sesama manusia. *Kedua*, penyelesaian pertikaian diperlukan bagi menyelesaikan konflik bersumberkan gagasan, kualiti, sikap dan kepentingan yang berbeza-beza antara para pihak. Di sisi lain, ekonomi adalah persoalan manusia yang selalu tumbuh dengan dinamis. Oleh itu, minda baharu adalah sentiasa diperlukan untuk menyelesaikan masalah-masalah ekonomi yang terjadi pada masa kini.

Hak spiritual pengguna perbankan Islam secara amnya telah diberikan kaedah berupa adanya pengawalan dalam aspek syariah. Perkara demikian merupakan bentuk kepatuhan syariah yang disampaikan melalui pembentukan Dewan Pengawas Syariah di setiap unit institusi usaha syariah dan unit usaha syariah.¹⁷ Selain itu, pelbagai aspek perbankan Islam telah memperoleh peraturan yang memperkukuh kewujudannya secara institusi dan aktiviti usahanya serta produknya. Walau bagaimanapun, dalam

perkara-perkaran khas, seperti halnya penyelesaian pertikaian, masih diperlukan perundangan lain yang menyokong terpenuhinya hak spiritual pengguna dalam hal *syariah compliance*.

Dalam konteks penyelesaian pertikaian kewangan Islam melalui mekanisme litigasi, negara-negara mempunyai isu yang berbeza, sama ada di Indonesia mahupun di Malaysia sebagai salah satu rujukan. Di Malaysia, litigasi kewangan Islam merupakan satu bidang amalan yang melibatkan pemakaian undang-undang Shari'ah, perundangan sivil, kaedah-kaedah mahkamah dan undang-undang lazim Inggeris. Pada tahun 2003, badan kehakiman Malaysia telah mengambil langkah pentadbiran untuk menubuhkan Bahagian Muamalat di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi pelupusan kes pertikaian kewangan Islam. Bagaimanapun, kajian ini memerhatikan bahawa bidang kuasa Bahagian Muamalat tersebut adalah terhad kepada beberapa jenis prosiding perundangan dan terikat dengan had bidang kuasa wilayah. Tambahan lagi, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 tidak mengandungi peruntukan khusus bagi mengawal selia prosiding litigasi kewangan Islam.¹⁸ Berbeza dengan di Indonesia, isu litigasi kewangan berkait rapat dengan perundangan, kelembagaan dan mekanisme. Isu perundangan menjurus pada wujudnya dualisme bidangkuasa mahkamah, sehingga menimbulkan ketidakpastian hukum. Hal mana disebabkan oleh peruntukan pada Pasal 55 Ayat (2) yang dimaknai secara sempit, tanpa mempertimbangkan asas-asas hukum berkenaan. Adapun isu kelembagaan berkait rapat dengan wujudnya keraguan pihak industri terhadap institusi dan hakim pada Peradilan Agama dalam menangani kes perbankan Islam. Sedangkan isu mekanisme muncul kerana dalam proses litigasi di Peradilan Agama, masih terdapat kepelbagaian penanganan kes oleh hakim, akibat tidak adanya rujukan khas dalam perkara tersebut.

Berkenaan dengan beberapa isu di atas, kajian dalam Hak Spiritual Pengguna Dalam Penyelesaian Sengketa Perbankan Syariah Di Indonesia, dimaksudkan untuk menemukan usaha-usaha yang telah dilakukan dalam kerangka memberikan penguatan terhadap pemenuhan hak spiritual pengguna perbankan syariah di Indonesia, khususnya berkait dengan penyelesaian pertikaian. Oleh itu, kajian yang mengguna pakai metode analisis kandungan yang berteraskan pendekatan doktrinal ini, disusun dengan huraian mencakupi: Hak Spiritual Pengguna, Penyelesaian Sengketa Perbankan Islam: Isu Sedia Ada, Penguatan Hak Spiritual Pengguna Dalam Penyelesaian Pertikaian Perbankan Islam.

HAK SPIRITUAL PENGGUNA

Bagi mendedahkan 'hak spiritual pengguna', perlu difahami bahawa konteks penggunaan terma tersebut adalah dalam konsep perlindungan pengguna. Terma 'hak spiritual' merupakan suatu upaya penyedaran tentang sesuatu hal yang telah tumbuh dan berkembang sebagai sesuatu keperluan komuniti kerana masih ramai yang tidak menyedari wujudnya 'hak spiritual'.¹⁹

Terma 'spiritual' dalam pelbagai aktiviti, telah diisytiharkan oleh beberapa penulis, antaranya Majia Holmer Nadesan²⁰ yang menghubungkan antara aspek spiritual dengan ekonomi, khususnya korporat; William R. Miller, dan Carl E. Thoresen²¹ menjelaskan hubungan antara spiritual dengan *religiosity* dan kesihatan. Sedangkan Danah Zohar dan Ian Marshall²² melihat dari perspektif psikologis, dengan menghubungkan aspek spiritual dengan kepintaran manusia dalam berfikir

dan bersikap dalam kehidupannya. Daripada ketiga-tiga pandangan di atas, antara Majia dan William dengan jelas menunjukkan adanya hubungan yang kuat antara spiritualiti dengan agama.²³ Malahan, William memberikan makna yang sama, bahawa spiritualiti iaitu *religiosity* atau agama dalam pengaruhnya terhadap kesihatan.²⁴ Sedangkan, Danaah dan Ian berpandangan luas bahawa boleh menjadi faktor yang mempengaruhi atau dipengaruhi oleh spiritualiti.²⁵ Dengan kata lain, spiritualiti dapat juga bersumber daripada selain agama. Berasas kepada beberapa pandangan di atas, dalam konteks kajian ini, spiritualiti mengikut kepada makna yang berhubung rapat dengan agama. Pandangan ini adalah sesuai dengan pernyataan Sayyed Hossein Nasr²⁶ bahawa spiritualiti dalam Islam ialah ajaran tauhid. Perkara demikian lebih berkaitan bagi membahas hubungan antara aspek spiritual dengan perbankan Islam, yang mana ditubuhkan dengan semangat menjalankan Islam dalam aktiviti ekonomi. Perkara tersebut merupakan hal penting kerana akan berpengaruh pada pelbagai hal, khusus yang berkaitan dengan hak-hak pengguna.²⁷

Dari perspektif sejarah, hak pengguna diperkenalkan pada 15 Mac 1962 bila dikemukakan 'Deklarasi Hak Pengguna,' oleh Presiden John F. Kennedy. Beliau mengisytiharkan empat hak pengguna, iaitu hak untuk mendapatkan keselamatan, hak untuk membuat pilihan, hak untuk mendapat maklumat, dan hak untuk aduan didengari.²⁸ Perkembangan pesat perlindungan pengguna moden jelas boleh dilihat setelah Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah secara konsensus menerima pakai satu Garis Panduan Perlindungan Pengguna yang dikenali sebagai *United Nations Guidelines for Consumer Protection*. Garis panduan tersebut khususnya memberikan kerangka kepada negara-negara membangun sebagai panduan untuk menggubal polisi dan perundangan yang berkaitan perlindungan pengguna. Langkah ini dilihat sebagai suatu kejayaan memartabatkan perjuangan hak pengguna di peringkat antarabangsa.²⁹ Indonesia termasuklah turut serta menggubal undang-undang perlindungan pengguna yang dikenali dengan Undang-undang Perlindungan Konsumen (UUPK).

Pada asasnya, UUPK telah memperakui hak yang bersifat spiritual. Perkara tersebut dinyatakan dalam Pasal 2 UUPK tentang asas UUPK: Perlindungan konsumen berasaskan manfaat,³⁰ keadilan,³¹ keseimbangan, keamanan dan keselamatan³² konsumen, serta kepastian perundangan.³³ Selanjutnya, Penjelasan angka 3 Pasal 2 UUPK menyebutkan: Asas keseimbangan dimaksudkan untuk memberikan keseimbangan antara kepentingan konsumen, pelaku usaha dan pemerintah dalam arti materiil ataupun spiritual. Dari peruntukan tersebut, maka aspek spiritual telah dinyatakan secara jelas dan menjadi asas bagi perlindungan pengguna di Indonesia.

Berkait dengan huraian di atas, maka penggunaan terma 'spiritual' juga berfungsi memperkenalkan keluasan cakupan Undang-undang No. 8 Tahun 1999 Tentang Perlindungan Konsumen (UUPK) yang mempunyai sasaran tidak hanya persoalan yang bersifat material, tetapi juga aspek spiritual. Dari terma baru tersebut, boleh difahami bahawa 'hak spiritual' merupakan hak setiap orang, tidak terhad ke atas mereka yang muslim, kerana spiritualiti merupakan salah satu aspek manusia itu sendiri yang bersifat universal. Pengabaian terhadap 'hak spiritual' boleh menimbulkan permasalahan tersendiri.³⁴ Oleh itu, aspek spiritual pengguna perlu mendapat perlindungan dan diperjuangkan. Pada asasnya hak-hak pengguna yang wujud hingga kini telah mengalami perkembangan dari semasa ke semasa berasaskan keperluan pengguna. Walaupun demikian belum dijumpai pengakuan secara eksplisit

tentang hak yang bersifat spiritual³⁵, meskipun secara implisit UUPK telah mengakuinya. Seperti pandangan Nasution³⁶ dan Ali Mansur³⁷ yang mengisyharkan bahawa keseluruhan hak pengguna pada dasarnya boleh dikelompokkan berdasarkan pelbagai aspek kepentingan pengguna.

Di sisi lain, pengguna perbankan Islam, selain memerlukan perlindungan bersifat umum, iaitu terlindungnya wang yang dilaburkan dan atau diterima dalam pembiayaan, pengguna perbankan Islam juga memerlukan perlindungan bersifat khusus iaitu jaminan keselarian dengan syariah dalam setiap aktiviti perbankan. Keselarian yang dimaksudkan ini sama ada sebelum masa urus niaga, pada masa urus niaga atau pelaksanaan urus niaga sehingga selepas urus niaga antara pengguna dengan pihak bank, bahkan jika berlaku konflik atau pertikaian berkait dengan urus niaga.³⁸ Perhatian terhadap perkara ini adalah penting memandangkan perbankan mempunyai fungsi yang sangat penting bagi sesebuah negara, terutamanya perbankan Islam bagi negara yang majoriti berpenduduk Muslim seperti Indonesia. Pelbagai perkara di atas semakin memperkukuhkan rasional perlunya memperhatikan persoalan pengguna perbankan Islam sebagai salah satu institusi yang diharapkan dapat turut serta meneroka keupayaan ekonomi dan mensejahterakan komuniti Indonesia. Dengan adanya perlindungan pengguna, boleh menciptakan keadilan dan kedamaian kepada para pihak yang berkait.³⁹ Kenyataan tersebut memperkuat pandangan Sakina⁴⁰ bahawa perlindungan pengguna merupakan suatu kuasa sosial, suatu kuasa ekonomi dan suatu kuasa perundangan yang bertindak balas terhadap keadaan korporat serta suatu penilaian ke atas amalan dan etika perniagaan dalam mencapai keseimbangan kuasa antara peniaga dan pengguna, demi mewujudkan keadilan yang optimum bagi para pengguna.

Usaha ini memerlukan kerjasama yang berbentuk dua hala daripada komuniti dan juga pihak kerajaan. Ertinya, sekiranya komuniti bersikap acuh tak acuh terhadap isu kepenggunaan semasa dan tidak mengambil tindakan terhadap peniaga atau pembekal yang melakukan penindasan, maka pengguna hanya akan terus ditindas oleh peniaga yang tidak beretika. Justeru, kuasa yang dimiliki oleh pengguna sebenarnya amatlah besar. Pengguna mampu mencorakkan pola permintaan di pasaran. Hak pengguna yang diiktiraf sejagat mampu membentuk senario urus niaga dalam kalangan peniaga dan mencorak ekonomi negara.⁴¹

Pada dasarnya, hak spiritual tidak hanya berkaitan dengan pengguna. Hak spiritual merupakan hak semua orang. Namun, jika dikaitkan dengan fokus utama pembahasan dalam bidang perlindungan pengguna perbankan Islam, maka 'hak spiritual' dalam artikel ini ditujukan kepada pengguna sebagai konsumen dalam konteks pengertian di bawah undang-undang Indonesia. Terma 'hak spiritual' relatif baharu diperkenalkan. Pada awalnya istilah ini memang terlahir melalui kajian perlindungan pengguna, khususnya dalam perbankan Islam dan lebih khusus lagi berkaitan dengan penyelesaian pertikaiannya.⁴² Bagi melahirkan hak spiritual pengguna dalam aktiviti perbankan Islam, maka perlu dikaitkan setiap sumber dan pelaburan wang, produk-produk, pelaksanaan akad, termasuk juga penyelesaian pertikaian atau akses kepada keadilan.⁴³

PENYELESAIAN PERTIKAIAN PERBANKAN ISLAM DI INDONESIA: ISU SEDIA ADA

Dalam pelbagai aktiviti perniagaan, meskipun berteraskan syariah, adalah berpotensi menimbulkan konflik yang dapat mengarah berlakunya pertikaian, meskipun pertikaian sesungguhnya tidak dikehendaki oleh mana-mana pihak dalam hubungan urus niaga. Justeru bagi mengatasi perkara tersebut, pada umumnya dalam membuat perjanjian, para pihak selalu memasukkan fasal tentang mekanisme penyelesaian pertikaian. Pemasukan fasal mekanisme penyelesaian pertikaian tersebut ke dalam perjanjian lebih bersifat pencegahan atau antisipasi atas kemungkinan berlakunya pertikaian dalam hubungan urus niaga.⁴⁴ Perkara demikian menunjukkan bahawa bagi para pihak, penyelesaian pertikaian merupakan perkara penting, hingga perlu dibincangkan sejak awal perjanjian.

Wujud dan berkembangnya industri perbankan Islam di pelbagai negara, mempunyai pengaruh kepada perundangan, institusi dan mekanisme penyelesaian pertikaianya. Dalam perkembangan penyelesaian pertikaian, khususnya dalam konteks perbankan Islam, setiap negara mempunyai karakter dan isu yang berbeza. Perkara tersebut disebabkan wujudnya pelbagai faktor dalaman negara masing-masing, sama ada isu perundangan, institusi dan mekanisme yang berlaku sebelumnya.

Salah satu keunikan dalam konteks penyelesaian pertikaian perbankan syariah di Malaysia sebagai rujukan ialah meskipun institusi mahkamah yang mengendalikan kes perbankan Islam ialah Mahkamah Sivil, namun terdapat ketentuan dari Bank Negara Malaysia agar keputusan Mahkamah tersebut merujuk kepada pandangan Majlis Penasihat Syariah (Persekutuan). Bahkan BNM/GPS 1 menggariskan tatacara perlantikan Jawatankuasa Penasihat Syariah di institusi perbankan Islam dan Takaful. Kesemua pelantikan ini perlu mendapat rekomendasi tertulis dari Bank Negara Malaysia. Persyaratan lain yang ditetapkan untuk Jawatankuasa Penasihat Syariah ialah harus mempunyai kelayakan, kepakaran dan pengalaman dalam dua bidang hukum Islam yaitu *jurispruden Islam (usul al-fiqh)* dan hukum perdagangan komersial Islam (*fiqh al-mu'amalah*).⁴⁵ Malahan, BNM/GPS 1 juga telah menetapkan peranan dan tugas yang perlu dilakukan oleh Jawatankuasa Majlis Penasihat Syariah.

Dikaitkan dengan konteks kajian ini, akhirnya Malaysia telah melakukan perubahan penting dalam Akta Bank Negara 1958 kepada Akta Bank Negara 2009 (Akta 701). Perkara demikian dimaksudkan untuk mengukuhkan persoalan undang-undang yang berkaitan dengan perbankan Islam di Malaysia. Ketentuan yang khusus berkaitan dengan kewangan Islam dinyatakan di bahagian VII yang mengandungi 10 fasal yang menjelaskan peranan Majlis Penasihat Syariah. Namun demikian, fasal yang secara langsung menghubungkan antara kewajipan memperhatikan aspek keselarian prinsip syariah pada proses penyelesaian pertikaian di peradilan kelihatan pada dua seksyen.⁴⁶ Seksyen 56 dan seksyen 57, Akta Bank Negara Malaysia 2009 mempunyai impak yang penting bagi pelaksanaan penyelesaian pertikaian perbankan Islam di Malaysia. Hal tersebut dapat dilihat secara nyata dari beberapa kes yang diselesaikan sebelum dan sesudah perubahan tersebut. Beberapa kes yang diputuskan oleh Mahkamah Sivil dalam perbankan Islam sebelum Perubahan Akta BNM 2009 menunjukkan bahawa dalam proses persidangan, hakim tidak merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah berkaitan *subject matter* yang terkait dengan *mua'malat*.

Dalam penyelidikan Hizri⁴⁷ mendapati kenyataan bahawa dalam praktik berkenaan dengan penyelesaian perbankan Islam, kes kewangan Islam diajukan di semua tingkat pengadilan sivil, iaitu Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi berdasarkan jumlah tuntutan yang diajukan walaupun tidak semua pengadilan mempunyai hakim yang berpengalaman dalam hukum Islam. Akibatnya, menurut Hizri, situasi demikian telah menyebabkan kesulitan dalam pengembangan prosedur yang tepat untuk mengatur proses mahkamah bagi kewangan Islam. Hingga kini, tidak ada ketentuan khusus yang dimasukkan dalam Rules of Court 2012 untuk menetapkan prosedur litigasi kewangan syariah. Beberapa hakim dan peguam mungkin tidak mengetahui wujudnya panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan Standard Syariah yang dirangka berdasarkan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.


Isu yang berlaku di Indonesia berkaitan dengan penyelesaian pertikaian perbankan Islam mempunyai corak yang berbeza. Is-isu utama ini boleh dikelompokkan kepada tiga perkara:

1. Perundangan

Dari perspektif perundangan, pada awalnya pertikaian perbankan Islam diselesaikan di lingkungan peradilan umum. Perkara ini berasaskan kepada akta peradilan umum, memandangkan masa tersebut belum ada peruntukan secara khusus bagi kes perbankan Islam. Selanjutnya, penyelesaian pertikaian diserahkan pada Peradilan Agama melalui UU No. 3 Tahun 2006 perubahan UU No. 7 Tahun 1989 tentang Peradilan Agama (UUPA). Melalui UUPA, terdapat penambahan bidang kuasa Peradilan Agama. Penambahan bidang kuasa Peradilan Agama terhadap pertikaian lembaga ekonomi syariah tersebut mempunyai impak undang-undang secara signifikan.⁴⁸ Perkara demikian berlaku memandangkan Peradilan Agama sebelumnya diketahui hanya menyelesaikan kes-kes berkaitan kekeluargaan. Atas perubahan bidang kuasa Peradilan Agama ini terbukti berlakunya asas personaliti ke-Islaman yang menyatakan bahawa terhadap orang Islam digunakan hukum Islam apabila berlaku pelanggaran dan/atau pertikaian, diselesaikan menurut hukum Islam oleh Hakim Peradilan Agama. Asas personaliti ke-Islaman demikian melekat pada pembedangan kuasa bagi kes-kes tertentu, sebagai asas bagi penentuan bidang kuasa Peradilan Agama, bukan semata-mata bergantung kepada pihak-pihak yang bertikai.⁴⁹

Adapun yang termasuk dalam pengertian personaliti ke-Islaman adalah badan hukum Islam yang ada dalam sistem hukum di Indonesia. Badan hukum Islam yang ada dalam UU No.23 tahun 2006 dapat diklasifikasikan kepada empat kategori.⁵⁰ Pertama, badan hukum yang dibentuk berdasarkan ketentuan dalam hukum Islam, seperti Badan Amil Zakat, Lembaga Amil Zakat, Baitul Maal, Nadzir Waqaf dan sebagainya. Kedua, badan hukum dalam ekonomi syariah, seperti perbankan syariah, pergadaian syariah dan sebagainya sebagaimana disebutkan dalam Pasal 49 huruf i.⁵¹ Ketiga, badan hukum yang dimiliki orang Islam. Keempat, badan hukum lain (badan hukum biasa) yang melakukan usaha atau kegiatan bisnis dengan menggunakan prinsip syariah.

Selanjutnya, beasaskan kepada akta-akta berkenaan, institusi pelaksana penyelesaian pertikaian perbankan Islam mengalami perubahan seperti mana dapat dilihat dalam Rajah 1 di bawah ini.



RAJAH 1.

Perubahan institusi Penyelesaian Pertikaian Perbankan Islam di Indonesia

Seterusnya, apabila digubalnya UU No. 21 Tahun 2008 tentang Perbankan Syariah (UUPS), berlakunya dualisme bidang kuasa, iaitu antara peradilan agama dan peradilan umum. Sementara, secara asas berkenaan dengan bidang kuasa mahkamah di Indonesia, telah diatur sangat jelas, sebagaimana diperuntukkan dalam UU No. 14 Tahun 1970 jo. UU No. 35 Tahun 1999 jo. UU No. 4 Tahun 2004 jo. UU No. 48 Tahun 2009 UU tentang Kekuasaan Kehakiman. Berdasarkan peruntukan ini, setiap institusi mahkamah memiliki bidang kuasa berbeza berdasarkan kepada satu undang-undang secara khusus. Dengan demikian, apabila had bidangkuasa yang dimaksudkan dilanggar, maka dapat mengakibatkan gugatan yang diajukan menjadi terbatal. Selain itu, berdasarkan perlembagaan kerajaan, peruntukan pada Pasal 24 ayat (2) UUD 1945 dinyatakan bahawa penyelenggaraan kekuasaan kehakiman oleh lingkungan mahkamah di bawah Mahkamah Agung sesuai dengan dibahagi dan dasingkan berdasarkan bidang kuasa, atau dikenali dengan asas *separation court system based on jurisdiction*. Oleh itu, wujudnya kekeliruan makna terhadap peruntukan Pasal 55 Ayat (2),⁵² maka bererti terdapat percanggahan undang-undang yang ekornya menimbulkan ketidakpastian undang-undang. Perkara demikian tidak menyokong kepada kepercayaan pengguna perbankan Islam yang sangat diperlukan dalam pengembangan industri perbankan Islam. Isu demikian dikenali dengan terma dualisme bidang kuasa mahkamah.

Wujudnya dualisme mahkamah dalam penyelesaian pertikaian perbankan Islam seperti mana peruntukan UUPS menimbulkan dua pandangan, selain langkah tersebut dianggap sebagai jalan tengah terhadap tarik-ulur kuasa penghakiman berkenaan. Pertama, perkara tersebut adalah memberikan pilihan saluran bagi para pihak bertikai dalam mencari penyelesaian. Kedua, hal sedemikian dapat menimbulkan pelbagai bentuk ketidakpastian undang-undang. Daripada kedua-dua pandangan tersebut, dalam konteks kajian ini, penekanan utama adalah dapat memastikan bahawa dalam proses penyelesaian pertikaian yang dilaksanakan oleh setiap institusi adalah tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam baik dalam mekanisme, rujukan yang diguna pakai serta paradigma berfikir para hakim dan peguam yang mengendalikannya.

Jika ketiga-tiga perkara sedemikian dipenuhi, berarti perlindungan pengguna dalam penyelesaian pertikaian pengguna perbankan telah diamalkan di Indonesia.⁵³

2. Institusi

Isu berkenaan institusi yang dimaksud dalam kontes kajian ini ialah Peradilan Agama yang mendapatkan bidang kuasa baru dalam mengendalikan kes perbankan Islam. Satjipto Rahardjo⁵⁴ menjelaskan bahawa konsep hukum progresif memberikan penekanan bahawa hukum semestinya tidak diposisikan sebagai sebuah dokumen yang mutlak dan berautonomi, melainkan mesti diharmonikan dengan keperluan sebenar komuniti pencari keadilan. Dalam hal ini, kreativiti manusia para penegak hukum perlu memanfaatkan kesempatan berimprovisasi dalam menggali dan menemukan hukum yang selari dengan keperluan komuniti, dalam konteks penegakan dan pengembangan hukum. Oleh itu, dalam perspektif hukum progresif, kompetensi hakim dalam menangani suatu pertikaian merupakan persoalan asas yang menjadi perhatian, agar diperoleh keputusan yang selari dengan keperluan para pencari keadilan.

Merujuk kepada amalan yang berlaku di Malaysia, apabila pertikaian perbankan Islam dikendalikan oleh hakim yang tidak mempunyai kepakaran perundangan Islam, khususnya fiqh muamalah, maka boleh menghasilkan keputusan yang mengelirukan dari perspektif syariah. Persoalan demikian sebagaimana telah berlaku dalam beberapa kes.⁵⁵ Wujudnya keputusan yang mengelirukan sedemikian, antaranya, disebabkan: (1) Penggunaan rujukan yang tidak selaras dengan prinsip-prinsip syariah terhadap kes-kes perbankan Islam;⁵⁶ (2) Dilakukan oleh hakim yang tidak memahami syariah; serta (3) Disokong oleh peguam yang juga belum menguasai prinsip-prinsip syariah.⁵⁷ Selanjutnya, dalam penyelidikannya, Hizri juga menyatakan tentang kurangnya kepakaran dalam kuasa hakim pengadilan rendah untuk menangani masalah ketidakabsahan dan ketidakpatuhan syariah.⁵⁸

Berkenaan dengan perlindungan hak spiritual dalam penyelesaian pertikaian perbankan Islam, telah dihasilkan satu rumusan,⁵⁹ bahawa dalam pemenuhan persyaratan kesesuaian dengan prinsip syariah dalam pengendalian di mahkamah, setidak-tidaknya dapat dipenuhinya antara lain: (1) Hakim/arbiter/mediator yang menangani hal pertikaian perbankan Islam wajib mempunyai kepakaran dalam bidang undang-undang ekonomi Islam dan fiqh muamalah, khususnya terkait bidang perbankan Islam; (2) Perundang-undangan yang dirujuk oleh hakim dalam proses di mahkamah hingga memberikan pertimbangan undang-undang dan putusan yang dibuat, tidak wujud percanggahan dengan prinsip syariah; 3) Selain itu, diselenggarakan oleh lembaga dan dengan prosedur yang tepat.

Berkait rapat dengan indikasi pertama, tentang kepakaran hakim, pada asasnya telah ada usaha yang dilakukan oleh Institusi Peradilan Agama (PA). Hakim yang menangani pertikaian perbankan syariah di PA telah dipersiapkan secara khusus melalui pelbagai program pendidikan hingga mekanisme pemberian lesen atau sijil. Hingga kini terdapat lebih dari 300 hakim yang telah mendapatkan latihan atau bengkel-bengkel dan kursus secara khusus tentang ekonomi syariah.⁶⁰ Walau bagaimanapun, hal ini masih tidak dapat menangani wujudnya 'keraguan' masyarakat terhadap kepakaran hakim PA dalam penyelesaian pertikaian perbankan Islam. Hal tersebut dinyatakan secara langsung dalam hasil penyelidikan⁶¹ dan juga dinyatakan oleh pihak yang berkompeten serta diperakui oleh pihak PA sendiri.⁶²

3. Mekanisme

Dalam konteks perlindungan syariah pengguna perbankan Islam, peruntukan berkaitan dengan penyelesaian pertikaian ini setidak-tidaknya menimbulkan dua macam respons pentafsiran. *Pertama*, kepelbagaian mekanisme yang wujud, termasuk dualisme mahkamah yang dapat menjalankan penghakiman terhadap pertikaian perbankan Islam ini dipandang memberikan pilihan saluran bagi para pihak bertikai dalam mencari penyelesaian. Pada asasnya, pandangan ini menunjukkan pemikiran yang bersifat pragmatis, memandangkan hanya berasaskan pada keinginan para pihak, tetapi belum mengaitkan dengan kemungkinan dipenuhinya persyaratan sebagaimana dalam ayat (3) pasal 55 tersebut yang mensyaratkan keselarian dengan prinsip syariah. Hal demikian berdasarkan realiti terkini tentang belum wujud kesediaan para hakim dalam lingkungan Peradilan Umum bagi menjalankan tugas baharu tersebut, kecuali bekal pemahaman yang diperoleh melalui kursus hukum Islam semasa perkuliahan serta pengenalan yang tidak dirancang secara khusus. Namun demikian, pandangan ini dianggap sebagai jalan tengah manakala berlaku tarik-ulur dalam perkara pemberian kuasa penghakiman melalui saluran mahkamah, kepada Peradilan Agama sebagaimana diatur dalam UUPA ataukah kepada Peradilan Umum.

Kedua, wujudnya kepelbagaian saluran mekanisme yang sangat terbuka ini boleh menimbulkan pelbagai bentuk ketidakpastian undang-undang. Ketidakpastian undang-undang pada awalnya, antaranya berpunca daripada: (1) Wujudnya dualisme dalam proses penghakiman terhadap perkara yang sama; (2) Ketidaksamaan rujukan dalam proses penghakiman terhadap perkara yang sama; dan (3) Ketidaksamaan dalam cara pengambilan rujukan. Seterusnya hal demikian dapat menimbulkan kecelaruan undang-undang. Selain itu, para pihak cenderung mengambil institusi yang menguntungkan pihaknya, tanpa mempertimbangkan keselarian dengan prinsip-prinsip Islam yang semestinya lebih utama diikuti. Dalam bidang kes yang lain, hal sedemikian pernah berlaku dalam kekuasaan kehakiman di Indonesia, iaitu penyelesaian kes warisan Islam. Pada akhirnya, kerana sememangnya menimbulkan ketidakpastian undang-undang dan hal ini tidak sesuai dengan matlamat undang-undang yang menghendaki kepastian, maka kewujudan dualisme kuasa ini mesti dibatalkan.⁶³

Berdasarkan pada huraian di atas dapat difahami bahawa walau bagaimanapun di Indonesia telah sedaya upaya dilakukan untuk dapat memberikan perlindungan terhadap hak spiritual, khususnya berkait dengan penyelesaian pertikaian perbankan Islam. Namun demikian, pada realitinya masih terdapat pelbagai isu, baik berkenaan dengan perundangan, institusi maupun mekanisme. Salah satu punca isu tersebut disebabkan belum wujudnya kerjasama yang harmoni daripada pihak-pihak berkenaan, dalam mengamalkan usaha tersebut.⁶⁴ Dengan demikian, apa yang menjadi harapan dan cita-cita, serta tujuan pengembangan perbankan Islam belum boleh berjaya.

PENGUKUHAN HAK SPIRITUAL PENGGUNA BERKAITAN PENYELESAIAN PERTIKAIAN PERBANKAN ISLAM

Dinamik perbankan Islam mempunyai potensi mewujudkan kepercayaan komuniti, dengan cara mempertingkatkan kesedaran komuniti bagi mengguna pakai industri ini dalam pelbagai aktivitinya. Dengan demikian, industri perbankan Islam yang bermula

sebagai alternatif, boleh jadi dapat menjadi penyelesaian yang sesuai dengan model ekonomi peringkat nasional dan antarabangsa.⁶⁵ Oleh itu, perlu sedaya upaya dilakukan pengukuhan dalam pelbagai aspek penting.

Pengukuhan terhadap hak spiritual pengguna dimaksudkan sebagai upaya untuk membaiki amalan sedia ada dengan pelbagai fasiliti yang sesuai dengan keperluan. Keperluan mana agar penyelesaian pertikaian perbankan Islam boleh selari dengan syariah, atau setidak-tidaknya tidak bercanggah dengan syariah. Dalam konteks kajian ini, merujuk pada pengelompokan yang dilakukan, maka huraian di bawah ini juga menggunakan urutan yang sama. Perkara ini dimaksudkan agar lebih mudah dalam mendapatkan kefahaman daripada keseluruhan huraian terkait dengan pengukuhan hak spiritual. Secara keseluruhan, huraian yang dibuat di bawah ini adalah merujuk kepada huraian sebelumnya, terkait dengan isu sedia ada. Adapun pengelompokan mana, sesuai dengan urutan ialah 1) Undang-undang; 2) Institusi dan 3) Mekanisme.

1. Isu Undang-Undang : Putusan Mahkamah Konstitusi

Perlindungan terhadap hak spiritual berkaitan dengan penyelesaian pertikaian, pada asasnya telah memiliki landasan kukuh dalam peruntukan Ayat (3) Pasal 55 UUPS. Ertinya, apabila sebahagian komuniti masih menggunakan institusi mahkamah am, dalam perkara ini Pengadilan Negeri, dipersyaratkan wajib memenuhi prinsip syariah dalam seluruh prosedur penyelesaian pertikaian dan penghakimannya. Dalam rangka memenuhi hal tersebut, maka sekurang-kurangnya,⁶⁶ Majlis Hakim mesti menguasai hukum ekonomi Islam (muamalah), khususnya yang berkaitan dengan perbankan syariah. Selain itu, hakim juga menggunakan referensi sebagai dalil dan dasar putusan, selari dengan prinsip syariah, atau tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip syariah. Dengan demikian, pelbagai hujah atau dalil yang dipergunakan oleh para pihak, jika tidak selari dengan syariah, semestinya terbatal.

Mahkamah, selain mempunyai fungsi menerapkan dan atau mengukuhkan undang-undang, juga mempunyai fungsi untuk meneroka dan menemukan undang-undang, jika untuk sesuatu perkara, belum ada dan atau tidak ada undang-undang yang tepat. Oleh kerananya, institusi mahkamah mempunyai peranan sangat strategis dalam pembentukan undang-undang, khususnya demi terpenuhinya tujuan undang-undang dalam memberikan keadilan dan kepastian hukum.⁶⁷ Walau bagaimanapun, dalam penyelidikan⁶⁸ telah didapati temuan bahawa proses penyelesaian pertikaian perbankan Islam yang dikawal di Pengadilan Negeri, tidak memenuhi persyaratan kesesuaian dengan prinsip syariah sebagaimana telah ditentukan dalam UUPS. Permasalahan tersebut antara lain merupakan akibat dari tidak dipilihnya hakim dan peguam yang turut mengawal kes, dengan pemahaman terhadap prinsip-prinsip syariah (muamalah). Selain itu, perundang-undangan yang diguna pakai sebagai asas pertimbangan keputusan Majlis Hakim juga tidak selari dengan prinsip syariah.

Selain wujudnya dualisme bidang kuasa mahkamah sebagai isu yang ditimbulkan oleh perundangan, juga terdapat isu terdapat pelanggaran 'hak spiritual' pengguna dalam amalan penyelesaian pertikaian perbankan Islam dimaksud. Oleh itu, telah diajukan kajian semula terhadap UUPS kepada Mahkamah Konstitusi, khususnya pada pasal berkenaan dengan mengkaitkan dengan konstitusi kerajaan. Upaya tersebut menghasilkan putusan Mahkamah Konstitusi Nomor 93/PUU-X/2012 yang dikeluarkan pada tanggal 29 Agustus 2013. Putusan tersebut merupakan respon

terhadap kajian semula ke atas Undang-Undang Nomor 21 Tahun 2008 tentang Perbankan Syariah, khususnya pada Pasal 55 Ayat 2 dan 3 dalam bidang penyelesaian pertikaian perbankan Islam. Pada asasnya, muatan kajian semula dimaksud ialah bahawa penyelesaian pertikaian melalui lembaga peradilan umum (Ayat 2 Pasal 55) sangat berpotensi tidak selari dengan Ayat 3. Dikaitkan dengan konteks kajian ini, maka hal tersebut berpotensi bercanggah dengan ‘hak spiritual’ pengguna. Penjelasan Ayat (2) pasal tersebut pada huruf d menentukan, “yang dimaksud pengadilan dalam lingkungan peradilan umum”. Ketentuan tersebut nyata menghakis bidang kuasa Peradilan Agama. Berhubung dengan itu, Penjelasan Pasal 55 Ayat (2) Undang-Undang Nomor 21 Tahun 2008 tentang Perbankan Syariah oleh Mahkamah Konstitusi dalam Putusan Nomor 93/PUU-X/2012 tanggal 29 Agustus 2013 dinyatakan bercanggah dengan Undang-Undang Negara Republik Indonesia Tahun 1945, yakni 28D Ayat (1) yang menyatakan: “setiap orang berhak atas pengakuan, jaminan, perlindungan, dan kepastian hukum yang adil serta perlakuan yang sama di hadapan hukum, dan kerana itu tidak mempunyai kekuatan hukum mengikat”.

Walau bagaimanapun, hasil kajian semula yang dimuat dalam Keputusan Mahkamah Konstitusi (MK) tersebut, pada asasnya mengembalikan dan mengukuhkan bidang kuasa penyelesaian pertikaian perbankan Islam kepada Peradilan Agama. Fenomena tersebut, juga menunjukkan bahawa sesungguhnya, ‘hak spiritual’ setiap pengguna di Indonesia diperakui dan mendapatkan perlindungan berasaskan institusi Republik Indonesia. Keputusan Mahkamah Konstitusi tersebut merupakan salah satu tonggak penting dalam undang-undang penyelesaian pertikaian perbankan Islam di Indonesia. Namun demikian, permasalahan penyelesaian pertikaian perbankan Islam, khususnya pasca Keputusan Mahkamah Konstitusi Nomor 93/PUU-X/2012 belum serta merta selesai. Pada realitinya, meskipun tidak banyak, masih wujud kes perbankan Islam yang diajukan oleh pihak industri melalui institusi mahkamah sivil. Perkara demikian disebabkan oleh wujudnya perbezaan penafsiran tentang kandungan Keputusan yang dimaksudkan. Oleh itu, fenomena demikian perlu terus mendapat perhatian, supaya tidak menjadi “virus” yang mengganggu aspek kepastian undang-undang bagi industri perbankan Islam. Meskipun pada umumnya diketahui bahawa kuasa undang-undang di suatu negara dipengaruhi oleh kolonialisme yang pernah terjadi di negara tersebut sebagaimana pernyataan Abdulqadir Ibrahim Abikan.⁶⁹

Terhadap pandangan yang berbeza tentang tafsiran Amar Keputusan MK Nomor 93/PUU-X/2012 pada umumnya hanya berdasarkan pada hujah tentang asas kebebasan berkontrak. Dengan memahami pengertian asas kebebasan berkontrak sebagaimana dalam keputusan tersebut, maka boleh diisytiharkan bahawa penafsiran demikian memiliki ketidaksempurnaan dalam pelbagai hal. Ketidaksempurnaan tersebut nampak pada: 1) syarat perlindungan hak spiritual mungkin tidak dapat dipenuhi dalam penyelesaian pertikaian perbankan Islam melalui Pengadilan Negeri, memandangkan hakim yang memutuskan tidak mempunyai kepakaran dalam bidang muamalah serta undang-undang yang diguna pakai sebagai hukum material tidak ada kepastian keselariannya dengan syariah; 2) pilihan dibolehkan menyelesaikan pertikaian ke Pengadilan Negeri bererti tidak selari dengan asas bidang kuasa kompetensi mutlak dan falsafah kepastian hukum kerana pasti akan menimbulkan kebimbangan bagi semua pihak. Hal demikian bertentangan dengan Perlembagaan Republik Indonesia. Sedangkan, asas kebebasan berkontrak diguna pakai dalam konteks hukum perjanjian. Peruntukan berkenaan perkara tersebut ialah Pasal 1338 KUH Perdata. Makna asas kebebasan berkontrak ialah bahawa para pihak bebas untuk

menentukan isi dari kontrak, termasuk pilihan undang-undangnya. Dalam hal pilihan undang-undang (*choice of law*), yang dimaksud ialah dalam hal terjadi perjanjian antara WNI (warga tempatan) dengan WNA (warga asing) yang mana masing-masing pihak, mempunyai undang-undang kawal selia yang berbeza. Oleh yang demikian, sejak awal boleh disepakati pula tentang pilihan hukum yang akan dipakai, jika dari perjanjian tersebut timbul pertikaian di kemudian hari. Pilihan hukum yang demikian, tidak berlaku dalam konteks perjanjian antar WNI, kerana tidak adanya perbezaan undang-undang yang berlaku pada kedua-dua pihak.⁷⁰ Seterusnya, asas kebebasan berkontrak memberikan kebebasan kepada para pihak untuk: 1. membuat atau tidak membuat perjanjian; 2. mengadakan perjanjian dengan siapapun; 3. menentukan isi perjanjian, pelaksanaan, dan persyaratan; 4. menentukan bentuk perjanjiannya apakah tertulis atau lisan.

Sebagaimana huraian di atas, maka dalam penafsiran terhadap keputusan yang demikian, jelas terdapat ketidaksempurnaan baik dalam ranah teoritis mahupun praktis. Ketidaksempurnaan sebagaimana dimaksud dapat ditunjukkan baik dalam tataran teoritis atau konseptual, mahupun praktis operasional.⁷¹

Permasalahan penegakan undang-undang yang masih dijumpai berkenaan dengan fenomena terakhir, dapat dianalisis dengan merujuk kepada pandangan Fuller sebagaimana dinyatakan oleh Satjipto,⁷² yang memberikan ukuran mengenai sistem hukum yang diisytiharnya sebagai *principle of legality* yang mencakup :

- a. Suatu sistem undang-undang terdiri dari peraturan-peraturan, tidak berdasarkan putusan-putusan sesaat untuk hal-hal tertentu (*ad hoc*)
- b. Peraturan tersebut diumumkan kepada komuniti.
- c. Sistem yang lestari bagi memastikan integriti terpelihara.
- d. Dibuat dalam rumusan yang difahami oleh umum.
- e. Tidak boleh ada peraturan yang saling bercanggah.
- f. Tidak boleh menuntut suatu tindakan yang melebihi apa yang boleh dilakukan.
- g. Tidak boleh sering digubal.
- h. Mesti ada kesesuaian antara peraturan dan pelaksanaan sehari-hari.

Berkenaan dengan *principle of legality* di atas, maka perlu dilakukan usaha-usaha, khususnya oleh pihak pemegang kuasa penghakiman, iaitu Mahkamah Agung. sesungguhnya secara internal dari Mahkamah Agung Republik Indonesia telah mempunyai kebijakan, yang mengarah serta menyerahkan penyelesaian pertikaian perbankan Islam ini kepada Peradilan Agama. Namun demikian, mengingat kebijakan tersebut bersifat internal dan tidak disebarluaskan kepada komuniti, hanya berpengaruh bagi pentadbiran internal, sehingga masyarakat tidak banyak yang mengetahui hal ini. Oleh kerananya berkait dengan permasalahan ini, pada amalan di lapangan, masih wujud pelbagai permasalahan yang tidak sempurna.⁷³

2. Institusi : Peningkatan Kualiti Hakim Peradilan Agama

Sebagaimana telah dihuraikan pada sub bab sebelumnya bahawa institusi mempunyai peranan penting dalam memberikan perlindungan terhadap hak spiritual pengguna dalam penyelesaian pertikaian perbankan Islam. Peradilan Agama, sebagai institusi yang telah mendapatkan bidang kuasa pengawalan kes-kes perbankan Islam,

melakukan pelbagai usaha bagi mempertingkatkan kualiti para hakim dalam menjalankan tugasnya.

Beberapa kajian lain berkaitan dengan penyelesaian sengketa perbankan syariah, yang telah dilakukan, antara lain oleh Ikhsan Al Hakim,⁷⁴ Mardani,⁷⁵ dan Wery Gusmansyah⁷⁶, masih bersifat umum. Selain itu, ketiga-tiganya juga belum secara khusus mengfokus secara langsung pada permasalahan institusi penyelesaian pertikaianya. Institusi yang dimaksud ialah para hakim dan/atau penimbangtara yang menangani pertikaian perbankan Islam. Sementara itu, dari hasil penyelidikan sebelumnya,⁷⁷ dapat disimpulkan bahawa hakim/penimbangtara, yang merupakan faktor utama institusi penegakan hukum, sangat berpengaruh terhadap penyelesaian pertikaian yang tepat bagi perbankan Islam. Namun demikian, pada realitinya, ketidakpercayaan pihak industri tertumpu kepada para hakim di institusi PA dan penimbangtara di Basyarnas yang berkenaan, meskipun pada kedua-dua institusi tersebut, telah melakukan pelbagai upaya program mempertingkatkan kualiti hakim dan/atau penimbangtara. Pentingnya peranan hakim dalam pengawalan kes juga dinyatakan oleh Hizri, memandangkan hakim mesti membuat adjudikasi berdasarkan isu, fakta, pembelaan, pernyataan tertulis dan kiriman seperti yang disampaikan oleh nasihat untuk kedua-dua pihak yang bertikai. Jika kedua-dua penasihat yang turut mengawal, tidak berpengalaman dalam hukum Islam dan/atau amalan kewangan Islam, maka mereka mungkin tidak boleh membantu pengadilan untuk mencapai dapatan yang betul-betul sesuai dengan persyaratan Syariah.⁷⁸

Selain itu, hasil penyelidikan⁷⁹ yang dilakukan terhadap pandangan beberapa hakim, baik dari lingkungan Peradilan Agama, Peradilan Umum, maupun Hakim Mahkamah Konstitusi atas beberapa kes perbankan Islam pada PN pasca Putusan MK, tidak semata-mata kerana ketidakpercayaan komuniti terhadap institusi dan atau kepakaran hakim PA. Terlebih apabila ditelusuri lebih jauh, masih wujud pelbagai hal yang turut mempengaruhi fenomena dimaksud, antara lain sebagai berikut:

- a. Kuatnya pandangan komuniti bahawa PA merupakan pengadilan bagi kasus perceraian/perkahwinan.
- b. Bidang kuasa PA berkenaan dengan kewangan Islam merupakan perkara baru, sehingga belum banyak dikenali masyarakat.
- c. Pandangan masyarakat bahawa penyelesaian pertikaian kewangan Islam hanya merujuk pada undang-undang konvensional yang selama ini digunapakai oleh bank konvensional, sedangkan hakim PA belum /tidak terbiasa dengan perkara tersebut.
- d. Didasarkan pada pengalaman praktik dan kejujuran pihak bank bahawa diperakui dalam operasional lembaga kewangan Islam, belum sempurna aspek kesyariahan pada akad-akadnya. Kesedaran demikian sekaligus menimbulkan kerisauan bahawa jika pengawalan kes dimajukan kepada Peradilan Agama, maka akad-akad tersebut akan banyak yang dibatalkan oleh PA.
- e. Keraguan atau wujudnya isu yang tidak segera diberikan perhatian khusus, membuktikan pihak kerajaan kurang memperhatikan PA, kerana dianggap kurang penting dalam tata bernegara.⁸⁰

Namun demikian, secara keseluruhan memang dapat ditangkap adanya 'keimbangan' komuniti terhadap kompetensi hakim PA dalam penyelesaian pertikaian perbankan Islam. Hal tersebut selain dinyatakan secara langsung dalam hasil penyelidikan⁸¹, ataupun dinyatakan oleh pihak yang berkompeten,⁸² juga diakui oleh

pihak PA sendiri. Menghadapi realiti demikian, pihak Mahkamah Agung, khususnya dalam jajaran BADILAG (Badan Peradilan Agama) telah melakukan pelbagai bentuk upaya, untuk dapat menubuhkan kepercayaan publik atas tugas baru tersebut, sejak awal kompetensi tersebut dibebankan pada PA tahun 2006 berdasarkan UU No. 3 Tahun 2006. Usaha demikian tetap berlangsung pada era terdapatnya dualisme kompetensi, dan semakin diperkuat pada pasca Keputusan MK. Hal demikian menjadi cabaran tersendiri bagi Mahkamah Agung sebagai institusi yang mempunyai autoriti sebagai penegakan hukum di Indonesia pada umumnya, serta Dirjen BADILAG pada khususnya.

Sejak tahun 2006, kualiti pendidikan para hakim telah meningkat secara signifikan. Sehingga tahun 2014, bilangan hakim yang berpendidikan pascasarjana 1.616 (S2), 35 (S3) dari 3633 orang hakim. Bererti terdapat 45,44 % hakim berpendidikan master dan doktor.⁸³ Ini dapat dilihat dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Pendidikan Hakim PA per- Februari 2014

Kategori Hakim / Jenjang Pendidikan	S1	S2	S3	Jumlah
Tingkat Banding	200	338	15	553
Tingkat Pertama	1.782	1.278	20	3080
Jumlah	1.982	1.616	35	3.633

Sumber : Data diolah

Perkara demikian menunjukkan responsifiti institusi PA dalam mempersiapkan bidang kuasa yang relatif baharu tersebut. Untuk mengatasi permasalahan bidang kuasa baharu, Pengadilan Agama melakukan pelbagai usaha antaranya:⁸⁴ 1. Penyiapan sumber daya manusia (SDM) menghadapi kewenangan barunya. 2. Penyiapan anggaran yang besar untuk melaksanakan pendidikan dan latihan ekonomi syariah. 3. Menyiapkan konsep pendidikan dan latihan ekonomi syariah. 4. Tersedianya calon hakim dari kalangan Sarjana Syariah dan Sarjana Hukum yang siap pakai. 5. Orientasi dengan kalangan pakar ekonomi pada umumnya dan pakar ekonomi syariah pada khususnya. 6. Orientasi dengan para praktisi. Selanjutnya, dengan pelbagai usaha tersebut, maka secara umum Peradilan Agama sudah siap menerima, memeriksa dan memutus perkara pertikaian ekonomi Islam yang diajukan oleh para pihak yang bersengketa sesuai dengan perintah Pasal 49 UU No. 3 Tahun 2006 tentang Pengadilan Agama.⁸⁵

Selain itu, pada bengkel pelatihan hakim dalam bidang ekonomi syariah, baik bank mahupun lembaga ekonomi syariah lainnya, yang dilakukan selama 5 hari berturut-turut, memuat pelbagai materi yang diperlukan, antara lain:⁸⁶

- a. Aspek Hukum Perbankan Syariah.
- b. BMT dan BPR Syariah.
- c. Kompilasi Hukum Ekonomi Syariah.
- d. Hukum Pelaburan Syariah (Pasar Modal, obligasi dan reksadana syariah)
- e. Aspek Hukum Dana Pecen Institusi Kewangan Syariah.
- f. Penyelesaian Pertikaian Ekonomi Syariah.
- g. Segi-segi Hukum Ekonomi Syariah.
- h. Hukum Insuran dan Reinsuran Syariah.
- i. Hukum Kontrak dalam Islam.

- j. Mediasi dalam Penyelesaian Pertikaian Ekonomi Islam.
- k. Hukum Pegadaian Syariah.
- l. Hukum Wakaf (Tinjauan Yuridis Dari Undang-undang No. 41 tahun 2004).
- m. Hukum Zakat Indonesia.

Selain pelbagai materi di atas, di bengkel-bengkel dalam skop yang lebih kecil dan singkat, diberikan materi tentang:⁸⁷

- a. Peranan Dewan Syariah Nasional dalam Perkembangan Ekonomi Syariah
- b. Anotasi Keputusan Ekonomi Syariah
- c. Murabahah
- d. Mudharabah

Dalam pelaksanaannya, di pelbagai tempat lingkungan materi hukum ekonomi syariah ini juga divariasikan dengan: a) Hukum Materiil Ekonomi Syariah sama ada dari kitab Fiqh klasik mahupun kontemporer; b) Usul fiqh, termasuk cara-cara istinbat (pengambilan hukum dari nas-nas al Qur'an mahupun Hadis) dan lain-lain sesuai dengan keadaan lokal masing-masing. Jika dilihat dari muatan materi pelatihan dan peningkatan jenjang pendidikan para hakim peradilan agama di atas, menunjukkan kesungguhan mereka dalam upaya menjalankan tugas baru tersebut. Sosialisasi yang intensif tentang perkembangan hukum ekonomi syariah serta minat para hakim yang tinggi untuk mengikutinya,⁸⁸ juga memperkuat wujud kesiapan kesedaran dan mental jajaran BADILAG tersebut.

Perkara menggembirakan dalam penguatan hak spiritual pengguna dalam penyelesaian pertikaian perbankan Islam ialah digubalnya PERMA (Peraturan Mahkamah Agung Republik Indonesia) Nomor 5 Tahun 2016 tentang Sertifikasi Hakim Ekonomi Syariah. Penggubalan PERMA tersebut antaranya dimaksudkan agar Pengadilan Agama/Mahkamah Syariah sebagai salah satu instrumen penegakan undang-undang memiliki tanggung jawab untuk menjamin penegakan hukum ekonomi Islam di Indonesia berjalan dengan baik dan betul. Selain itu, perkara ekonomi syariah perlu ditangani secara khusus oleh Hakim peradilan agama yang memahami teori maupun praktik bisnis berdasarkan prinsip syariah. Oleh itu, Mahkamah Agung perlu mengembangkan sertifikasi hakim ekonomi Islam untuk menangani perkara-perkara ekonomi.⁸⁹ Dengan digubalnya PERMA tersebut, maka semakin lengkap instrumen undang-undang dalam menjalankan peranan memberikan perlindungan hak spiritual pengguna, khususnya apabila berlaku pertikaian dengan pihak industri. Pada bulan September tahun 2016, telah dilaksanakan proses sertifikasi (pemberian lesen/sijil) hakim ekonomi syariah yang pertama kali, dan menghasilkan 120 hakim.⁹⁰ Dengan wujudnya sertifikasi demikian, kualiti para hakim dapat dikawal, memandangkan setiap hakim mesti terakreditasi oleh Kementerian Pendayagunaan Aparatur Negara dan Reformasi Birokrasi. Selain itu, bimbingan bersifat teknikal terus dilaksanakan bagi hakim-hakim lainnya. H Amran Suadi mengisytiharkan pada sosialisasi peraturan Mahkamah Agung (MA) Republik Indonesia Nomor 14/2016 tentang Tata Cara Penyelesaian Perkara Ekonomi Syariah.

3. Isu Mekanisme : Penggubalan Peruntukan Bagi Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Perbankan Islam

Isu berkenaan dengan mekanisme atau prosedur dalam penyelesaian pertikaian tidak kurang pentingnya berbanding isu undang-undang dan institusi. Perkara demikian memandangkan mekanisme merupakan tahap pelaksanaan dalam pemberian perlindungan terhadap hak spiritual. Oleh itu, pada fasa inilah dapat dipastikan, apakah tujuan daripada perlindungan pengguna dapat berhasil. Pandangan demikian selaras dengan kenyataan bahawa undang-undang prosedural atau kata sifat hukum sangat penting agar institusi kewangan Islam dan pelanggan mereka dapat memperoleh akses ke pengadilan untuk membela hak-hak mereka dan mencari keadilan.⁹¹ Hukum acara adalah *lex fori* atau undang-undang forum yang harus dipenuhi oleh para penggugat.

Umami⁹² turut menyeru agar hukum ekonomi Islam memiliki kepastian undang-undang dalam amalannya. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, para hakim Peradilan Agama perlu ada rujukan yang standard dalam menyelesaikan kes-kes dalam kewangan Islam. Selain itu, rujukan tersebut juga diperlukan bagi pelaksanaan Badan Arbitrase Syariah Nasional melalui Peradilan Agama. Maka sudah sepatutnya Pemerintah dan Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) RI membentuk Undang-Undang Arbitrase Syariah.

Perlunya rujukan khusus dalam prosedur pengawalan pertikaian kewangan Islam pun diperakui, setelah memperhatikan bahawa dalam kes *Bank Cooperation Rakyat Malaysia v. EMCEE Corporation Sdn Bhd*, Pengadilan Banding menyatakan bahawa undang-undang dan prosedur hukum yang sama akan diterapkan untuk perbankan syariah dan perbankan konvensional. Sedangkan, dalam analisis dan pertimbangan hasil penyelidikan, telah mencadangkan dan mempertahankan pandangan bahawa kes kewangan Islam semestinya diajukan dengan beberapa modifikasi pada prosedur yang biasanya diikuti oleh institusi kewangan konvensional. Modifikasi yang relevan harus diperkasakan dengan jelas. Selanjutnya, menurut Surianom Miskam et al.⁹³ saatnya tiba bagi autoriti yang relevan untuk menetapkan prosedur khusus dalam menangani kes-kes kewangan Islam di pengadilan sivil untuk memastikan bahawa persyaratan hukum dan syariah dipatuhi. Selanjutnya, menurut Hizri,⁹⁴ peruntukan undang-undang prosedur tahun 2012 perlu dibaiki sehingga ketentuan baharu dimasukkan untuk mengatur proses pengadilan kewangan Islam. Pengenalan undang-undang prosedural yang komprehensif untuk mengatur proses hukum kewangan Islam akan menyumbang dalam pemeraksanaan sistem kewangan Islam di Malaysia.

Di Indonesia, penyelesaian pertikaian perbankan Islam yang dilaksanakan di Peradilan Agama, pada awalnya menggunakan mekanisme sama dengan peradilan umum. Perkara demikian berasas kepada peruntukan Undang-undang No. 7 Tahun 89 tentang Peradilan Agama. Peruntukan tersebut menyatakan bahawa mekanisme yang digunakan bagi kes-kes di Peradilan Agama, sama dengan di Peradilan Umum, kecuali dalam kes perceraian yang diatur secara khusus.

Pada tarikh 22 Disember 2016 Mahkamah Agung (MA) menerbitkan Peraturan Mahkamah Agung Nomor 14 Tahun 2016 tentang Tata Cara Penyelesaian Sengketa Ekonomi Syariah. PERMA ini digubal pada tarikh 29 Disember 2016. Penggubalan PERMA ini, berkait rapat dengan penambahan bidang kuasa Peradilan Agama, dan digubalnya Kompilasi Hukum Ekonomi Syariah (KHES) pada tahun 2008 melalui

PERMA No. 2 Tahun 2008 tentang Kompilasi Hukum Ekonomi Syariah. PERMA tentang KHES merupakan undang-undang materil para hakim di Peradilan Agama dalam menyelesaikan pertikaian ekonomi Islam. Ekoran dari itu, dan dikuatkan untuk mengefektifkan pengendalian kes-kes perbankan Islam, bagi mengangkat kepercayaan masyarakat kepada institusi Peradilan Agama, muncul keinginan untuk membuat Kompilasi Hukum Acara Ekonomi Syariah (KHAES) sebagai hukum formil (hukum acara) dalam menyelesaikan pertikaian ekonomi Islam.⁹⁵Selain itu, dalam aktiviti kewangan Islam sememangnya memerlukan prosedur penyelesaian yang lebih sederhana, cepat dan biaya ringan, terutama di dalam hubungan hukum yang bersifat sederhana. Keperluan tersebut semakin kuat memandangkan peruntukan diamalkannya hukum acara berdasarkan Reglemen Indonesia yang diperbarui *Herzien Inlandsch Reglement, Rechtreglement voor de Buitengewesten* (RBg), tidak membezakan tata cara pemeriksaan antara nilai objek material yang jumlahnya besar dan kecil, sehingga penyelesaian kes-nya memerlukan waktu yang lama.⁹⁶Terkait perkara masa yang lama demikian, Amran⁹⁷ menyatakan bahawa institusi mahkamah semestinya dapat menyokong keperluan para pihak dalam perniagaan, dalam bentuk memberikan penyelesaian yang cepat dan sederhana. Pada asasnya, pemeriksaan perkara/gugatan sederhana sebagaimana dimaksud, merujuk kepada Peraturan Mahkamah Agung Nomor 2 Tahun 2015 tentang Tata Cara Penyelesaian Gugatan Sederhana, kecuali hal-hal yang diberikan peruntukan khusus. Selain itu, Dalam PERMA No. 14 Tahun 2016, diatur pula kewajiban bagi Hakim yang mengendalikan kes ekonomi Islam mesti telah bersertifikasi Hakim Ekonomi Syariah sesuai dengan PERMA Nomor 5 Tahun 2016 tentang Sertifikasi Hakim Ekonomi Syariah.

Perkara penting lain dalam Perma No. 14 Tahun 2016 ialah telah menggubal semula bidang kuasa dalam hal mengeksekusi dan membatalkan putusan arbitrase syariah kepada Peradilan Agama, dengan merujuk kepada Undang-Undang Nomor 30 Tahun 1999 tentang Arbitrase dan Alternatif Penyelesaian Sengketa. Sebelumnya, peruntukan ini dianulir dengan direvisinya Undang-Undang No. 4 Tahun 2004 dengan Undang-Undang No. 48 Tahun 2009 tentang Kekuasaan Kehakiman. Memandangkan pada Pasal 59 UU tersebut dalam penjelasannya menyatakan bahawa penguatkuasaan keputusan arbitrase, termasuk arbitrase syariah, dilaksanakan berdasarkan perintah Ketua Pengadilan Umum. Selanjutnya, berdasar pada kenyataan tersebut, diguballah SEMA No. 8 Tahun 2010 tentang Penegasan Tidak Berlakunya Surat Edaran Mahkamah Agung Nomor 08 Tahun 2008 tentang Eksekusi Putusan Arbitrase Syariah. Dengan demikian, PERMA No.14 Tahun 2016 tentang Tata Cara Penyelesaian Sengketa Ekonomi Syariah dari perspektif perlindungan hak spiritual pengguna, merupakan tonggak penting undang-undang dalam penyelesaian pertikaian perbankan Islam, selain PERMA-PERMA lain berkenaan.

Dari seluruh uraian terkait dengan penguatan hak spiritual pengguna, khususnya apabila berlaku pertikaian perbankan Islam di Indonesia, telah terdapat usaha-usaha penguatkuasaan yang sangat signifikan. Dari aspek perundangan, telah dibuat Keputusan Mahkamah Konstitusi yang mengembalikan dan mengukuhkan penyelesaian pertikaian kepada Peradilan Agama. Ini bererti, telah adanya keselarasan dengan falsafah penubuhan perbankan Islam. Selain itu, dalam aspek institusi, Peradilan Agama juga telah melakukan pelbagai usaha untuk mempertingkatkan kualiti para hakim yang turut mengawal kes perbankan Islam. Usaha ini dikuatkan lagi dengan digubalnya PERMA Nomor 5 Tahun 2016 tentang Sertifikasi Hakim Ekonomi Syariah. Sedangkan dalam aspek mekanisme juga cukup banyak terdapat upaya penguatan, iaitu

digubalnya PERMA No.14 Tahun 2016 tentang Tata Cara Penyelesaian Sengketa Ekonomi Syariah. Perma ini merupakan hukum formal dalam prosedur penghakiman kes ekonomi Islam di Indonesia, sekaligus melengkapi hukum formal yang telah ada berdasarkan PERMA No. 2 Tahun 2008 tentang Kompilasi Hukum Ekonomi Syariah. Melalui PERMA tentang penyelesaian pertikaian ini, mempunyai impak cukup penting bagi perlindungan hak spiritual pengguna, memandangkan dapat kembali semula pelaksanaan penguatkuasaan keputusan Basyarnas ke Peradilan Agama.

KESIMPULAN

Dari keseluruhan huraian berkenaan dengan memperkasakan hak spiritual pengguna dalam penyelesaian pertikaian perbankan Islam, maka dapat diambil beberapa kesimpulan antaranya:

1. Hak spiritual pengguna, maka boleh difahami bahawa pada asasnya, pengamalan hak spiritual merupakan satu bentuk daripada *syariah compliance*. Perkara tersebut dapat juga dikatakan sebagai ‘perlindungan syariah’, kerana memberikan jaminan kesesuaian dengan syariah. Wujudnya hak spiritual bagi pengguna mempunyai kesan kepada pihak peniaga dan institusi kerajaan/pemerintah yang berkenaan, bagi memberikan kemudahan diterapkannya semua prinsip operasional perbankan Islam, agar selari dengan syariah.
2. Wujudnya pelbagai isu sama ada pada aspek undang-undang, institusi dan mekanisme, merupakan asas bagi keperluan diamalkannya pemerksaan terhadap hak spiritual pengguna dalam pertikaian perbankan Islam di Indonesia. Perkara demikian sangat diperlukan bagi mengangkat kepercayaan pengguna dalam menjayakan serta melestarikan perbankan Islam.
3. Usaha-usaha pengukuhan hak spiritual perlu dilakukan oleh semua pihak dan institusi berkenaan. Bagi keperluan tersebut, OJK selain banyak memberikan kemudahan dalam koordinasi antara insitusi berkait, juga telah membuat satu *Roadmap Perbankan Syariah 2015-2019*, sebagai arah baru bagi pengembangan industri perbankan Islam di masa hadapan. Mahkamah Konstitusi mahupun Mahkamah Agung juga telah menjalankan peranannya dalam pemerksaan hak spiritual pengguna dengan baik. Adapun beberapa upaya yang sangat signifikan bagi penguatan hak spiritual antaranya: *Pertama*, dari aspek perundangan, telah dibuat Keputusan Mahkamah Konstitusi Nomor 93/PUU-X/2012, yang mengembalikan dan mengukuhkan peyelesaian pertikaian kepada Peradilan Agama dan sesuai dengan falsafah penubuhan perbankan Islam. *Kedua*, dalam aspek institusi, Peradilan Agama juga telah melakukan pelbagai usaha untuk mempertingkatkan kualiti para hakim yang turut mengawal kes perbankan Islam. Usaha ini dikuatkan lagi dengan digubalnya PERMA Nomor 5 Tahun 2016 tentang Sertifikasi Hakim Ekonomi Syariah. *Ketiga*, dalam aspek mekanisme juga cukup banyak terdapat upaya pemerksaan, iaitu digubalnya PERMA No. 14 Tahun 2016 tentang Tata Cara Penyelesaian Sengketa Ekonomi Syariah. PERMA ini, merupakan hukum formil dalam prosedur penghakiman kes ekonomi Islam di Indonesia, sekaligus melengkapi hukum materiil yang telah ada berdasarkan PERMA No. 2 Tahun 2008 tentang Kompilasi Hukum Ekonomi Syariah. Undang-undang penyelesaian pertikaian ini, mempunyai impak cukup penting bagi perlindungan hak spiritual pengguna, kerana mengembalikan semula pelaksanaan eksekusi putusan Basyarnas ke Peradilan Agama.

NOTA

-
- ¹ Christie Ding Yean Joon & Sakina Shaik Ahmad Yusoff, Perkembangan Perlindungan Pengguna: Cabaran dan Hala Tuju Institusi Pelindung Pengguna di Malaysia, (2016) 20 JUUM 71 – 82, hlm. 71.
- ² Azhari, Perlindungan Hukum Bagi Nasabah Perbankan Syariah, Hakim Pengadilan Agama Tanah Grogot, kertas kerja tanpa tahun.
- ³ Ro'fah Setyowati & Sakina Shaik Ahmad Yusoff, Perlindungan Pengguna di Indonesia dalam Penyelesaian Pertikaian Perbankan Islam, (2013) 17 JUUM 37 – 44, hlm. 42.
- ⁴ Westmont Horizon, January 30, 2007, <http://www.westmont.edu/~work/articles/spiritualjustice.html>.
- ⁵ Ro'fah Setyowati & Sakina Shaik Ahmad Yusoff, Perlindungan Pengguna di Indonesia dalam Penyelesaian Pertikaian Perbankan Islam, (2013) 17 JUUM 37 – 44, hlm. 37.
- ⁶ Pada peringkat akta, terdapat peruntukannya pada UU No. 40 Tahun 2007 tentang Perseroan Terbatas(Pasal 109) dan UU No. 21 Tahun 2008 tentang Perbankan Syariah.
- ⁷ OJK, *Roadmap Perbankan Syariah Indonesia 2015-2019*. Departemen Perbankan Syariah, 2016,hlm.10-11.
- ⁸ Deden Firman Hendrarsyah, 'Kebijakan Pemerintah Dalam Pengembangan Ekonomi Syariah di Indonesia', *Materi Semiloka Nasional Hukum Ekonomi Islam 2016*, Universitas Islam Bandung, 20 Desember 2016.
- ⁹ Islamic Finance Country Index 2016, Global Islamic Finance Report 2016.
- ¹⁰ Muhammad Arifin, Bismar Nasution, The Dynamics Study of Regulations on Syariah Banking Indonesia, *International Journal of Humanities and Social Science*, Vol. 5, No. 3; March 2015, hlm. 237.
- ¹¹ Syihabuddin, Peran Pemerintah Dalam Pengembangan Perbankan Syariah Di Indonesia, *Economic: Jurnal Ekonomi dan Hukum Islam*, Vol. 2, No. 1, 2012, hlm. 72.
- ¹² Republika, Percepatan Pertumbuhan Bank Syariah, Kamis, 29 Maret 2012.
- ¹³ Syihabuddin, Peran Pemerintah Dalam Pengembangan Perbankan Syariah Di Indonesia, *Economic: Jurnal Ekonomi dan Hukum Islam*, Vol. 2, No. 1, 2012, hlm.88.
- ¹⁴ Santoso dan Suhadi , Periodisasi Perkembangan Hukum Perbankan Syariah Di Indonesia, *Jurnal YUDISIA*, Vol. 6, No. 1, Juni 2015, hlm. 137.
- ¹⁵ Muhammad Arifin, Bismar Nasution, The Dynamics Study of Regulations on Syariah Banking Indonesia, *International Journal of Humanities and Social Science*, Vol. 5, No. 3; March 2015, hlm. 241-242.
- ¹⁶ Ramlan Yusuf Rangkuti, Sistem Penyelesaian Sengketa Ekonomi Islam: Instrumen Penting bagi Konsep Ekonomi Islam Mendatang , *Asy-Syir'ah Jurnal Ilmu Syari'ah dan Hukum* Vol. 45 No. II, Juli-Desember 2011, hlm. 1431-1432.
- ¹⁷ Muhammad Arifin, Bismar Nasution, The Dynamics Study of Regulations on Syariah Banking Indonesia, *International Journal of Humanities and Social Science*, Vol. 5, No. 3; March 2015, hlm.242.
- ¹⁸ Hizri Hasshan, Islamic Finance Litigation: Problems within the Malaysian Civil Courts Structure, (2016) 20 JUUM 33 – 42, hlm.33.
- ¹⁹ Ro'fah Setyowati, "Hak Spiritual Nasabah Perbankan Syariah Dalam Perspektif Undang-undang Perlindungan Konsumen di Indonesia, Prosiding Seminar Penegakan Hukum perbankan Syariah berbasis Syariah dan *Call For Paper* Perkembangan Hukum Islam dan Permasalahan Penegakannya di Indonesia, Fakultas Hukum Universitas Diponegoro, Semarang, 19 September 2012, hlm. 267-268.
- ²⁰ Majia Holmer Nadesan, The Discourses Of Corporate Spiritualism And Evangelical Capitalism, *Management Communication Quarterly*, Vol. 13, No. 1, August 1999 3-42.
- ²¹ William R. Miller, Carl E. Thoresen, Spirituality, Religion, and Health, An Emerging Research Field, January 2003. American Psychologist Copyright 2003 by the American Psychological Association, Inc. 0003-066X/03/\$12.00, Vol. 58, No. 1, 24–35, DOI: 10.1037/0003-066X.58.1.24
- ²² Danah Zohar dan Ian Marshall , diterjemahkan oleh Rahmani Astuti, Ahmad Najib Burhani, Ahmad Baiquni , SQ, Memanfaatkan Kecerdasan Spiritual Dalam Berpikir Integralistik dan Holistik untuk Memaknai Kehidupan, Mizan, Bandung, 2001.
- ²³ Majia Holmer Nadesan, The Discourses Of Corporate Spiritualism And Evangelical Capitalism, *Management Communication Quarterly*, Vol. 13, No. 1, August 1999 3-42, hlm.33.
- ²⁴ William R. Miller, Carl E. Thoresen, Spirituality, Religion, and Health, An Emerging Research Field, January 2003. American Psychologist Copyright 2003 by the American Psychological Association, Inc. 0003-066X/03/\$12.00, Vol. 58, No. 1, 24–35, DOI: 10.1037/0003-066X.58.1.24, hlm. 24.

- ²⁵ Danah Zohar dan Ian Marshall, diterjemahkan oleh Rahmani Astuti, Ahmad Najib Burhani, Ahmad Baiquni, SQ, Memanfaatkan Kecerdasan Spiritual Dalam Berpikir Integralistik dan Holistik untuk Memaknai Kehidupan, Mizan, Bandung, 2001, hlm. 9.
- ²⁶ Sayyed Hossen Nasr, *The Heart of Islam: Enduring Values for Humanity*, With Harper Sanfrancisco, a division of Harper Collins Publisher, Inc, New York, USA, 2002, hlm XIX.
- ²⁷ Ro'fah Setyowati, Sakina Shaik Ahmad Yusoff, Noor Inayah Yakob, Jasri Jamal, 2011, Akses Kepada Keadilan Konsumen Perbankan Islam: Isu dan Penyelesaiannya, *Prosiding International Legal Conference 2011 (ILC2011)*, College Of Law, Government and International Studies Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia, 19-20 November, hlm. 325-326.
- ²⁸ Afida Mastura Muhammad Arif, 'Sejarah Pergerakan Pengguna,' 2001 (2), *Jurnal Pengguna Malaysia*, hlm 44.
- ²⁹ Christie Ding Yean Joon & Sakina Shaik Ahmad Yusoff, *Perkembangan Perlindungan Pengguna: Cabaran dan Hala Tuju Institusi Pelindung Pengguna di Malaysia*, (2016) 20 JUUM 71 – 82, P. 73.
- ³⁰ 'Asas Manfaat' bermaksud untuk mengamanatkan bahawa segala usaha dalam penyelenggaraan perlindungan konsumen wajib memberi manfaat sebesar-besarnya bagi kepentingan konsumen dan pengusaha secara keseluruhan.
- ³¹ 'Asas keadilan' dimaksudkan agar penyertaan seluruh rakyat dapat diwujudkan secara maksimum dan memberikan kesempatan kepada konsumen dan pengusaha untuk memperoleh haknya dan melaksanakan kewajibannya secara adil.
- ³² 'Asas keamanan dan keselamatan konsumen' dimaksudkan untuk memberikan jaminan atas keamanan dan keselamatan kepada konsumen dalam penggunaan, pemakaian dan pemanfaatan barang dan/atau perkhidmatan yang dikonsumsi atau digunakan.
- ³³ 'Asas kepastian hukum' dimaksudkan agar baik peniaga maupun konsumen mentaati perundangan dan memperoleh keadilan dalam penyelenggaraan perlindungan konsumen, serta negara menjamin kepastian undang-undang.
- ³⁴ Ro'fah Setyowati, 2012a, "Hak Spiritual Nasabah Perbankan Syariah Dalam Perspektif Undang-undang Perlindungan Konsumen di Indonesia, *Prosiding Call For Paper Perkembangan Hukum Islam dan Permasalahan Penegakannya di Indonesia*, Fakultas Hukum Universitas Diponegoro, Semarang, 19 September, hlm. 1-2.
- ³⁵ Ro'fah Setyowati, Sakina Shaik Ahmad Yusoff, 2011, Hak-Hak Konsumen Perbankan Islam Di Indonesia: Pendekatan Harmonisasi Terhadap Perundangan Sedia Ada, *Makalah Seminar Kebangsaan Persatuan Ekonomi Pengguna Dan Keluarga Malaysia* (Macfea) Ke-15, 19-20 Juli, hlm 5-9.
- ³⁶ Nasution, AZ., 1995, *Konsumen dan Hukum, Tinjauan Sosial, Ekonomi dan Hukum pada Perlindungan Konsumen Indonesia*, Pustaka Sinar Harapan, Jakarta, hlm. 81-83.
- ³⁷ Ali Mansur, 2007, *Penegakan Hukum Tentang Tanggung Gugat Produsen dalam Perwujudan Perlindungan Konsumen*, Genta Press, Yogyakarta, hlm. 83.
- ³⁸ Ro'fah Setyowati, Perlindungan "Khusus" bagi Nasabah Perbankan Syariah dalam Perspektif Perlindungan Konsumen, *Jurnal Masalah-masalah Hukum*, Jilid 39, No. 3, September 2010.
- ³⁹ Azhari, Perlindungan Hukum bagi Pengguna Perbankan Syariah, Hakim Pengadilan Agama Tanah Grogot.
- ⁴⁰ Sakina Shaik Ahmad Yusoff, Perlindungan Pengguna di Malaysia: Falsafah dan Politik, Dlm. Sakina Shaik Ahmad Yusoff et al. *Undang-undang Komersial dan Pengguna*, Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia, Jilid 6, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- ⁴¹ Christie Ding Yean Joon & Sakina Shaik Ahmad Yusoff, *Perkembangan Perlindungan Pengguna: Cabaran dan Hala Tuju Institusi Pelindung Pengguna di Malaysia*, (2016) 20 JUUM 71 – 82, P. 79.
- ⁴² Ro'fah Setyowati, *Thesis (S3)*, Penyelesaian Pertikaian Perbankan Islam di Indonesia dalam Perspektif Perlindungan Pengguna, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 2012.
- ⁴³ Ro'fah Setyowati & Sakina Shaik Ahmad Yusoff, Perlindungan Pengguna di Indonesia dalam Penyelesaian Pertikaian Perbankan Islam, (2013) 17 JUUM 37 – 44, hlm. 38.
- ⁴⁴ Umami Uzma, Eksekusi Putusan Basyarnas Sebagai Kewenangan Pengadilan Agama, *Jurnal Hukum dan Pembangunan Tahun ke-44 No.3 Juli-September 2014*, hlm. 397.
- ⁴⁵ Ruzian Markom, Noor Inayah Yaakub & Wan Hafizuddin, 2011, The Role of Shariah Advisory Council (SAC) in Islamic Finance Dispute Resolution : Malaysian Experience, *Prosiding Kebangsaan Dispute Resolution*, Fakulti Undang-Undang UKM, hlm. 114.
- ⁴⁶ Ro'fah Setyowati, Perlindungan 'Hak Spiritual' Dalam Penyelesaian Sengketa Perbankan Syariah :Praktik di Malaysia dan Indonesia, *The First International Conference on Shari'ah Oriented Public Policy in Islamic Economic System, ICoSOPP 2014-139*, 30-31 March 2015, Ar-Raniry State Islamic University, Banda Aceh, Indonesia, hlm 11-12.

-
- ⁴⁷ Hizri Hasshan, *Islamic Finance Litigation: Problems within the Malaysian Civil Courts Structure*, (2016) 20 JUUM 33 – 42, p.38.
- ⁴⁸ Faturrahman Djamil, 2012, *Penyelesaian Pembiayaan Bermasalah di Bank Syariah*, Sinar Grafika, Jakarta, hlm. 164.
- ⁴⁹ A. Mukti Arto, Garis Batas Kekuasaan Peradilan Agama dan Pengadilan Negeri, Penerapan Asas Personalitas Keislaman sebagai Dasar Penentuan Kekuasaan Peradilan Agama, dalam *Varia Peradilan No.253 Desember 2006*, hlm. 20.
- ⁵⁰ A. Mukti Arto, Garis Batas Kekuasaan Peradilan Agama dan Pengadilan Negeri, Penerapan Asas Personalitas Keislaman sebagai Dasar Penentuan Kekuasaan Peradilan Agama, dalam *Varia Peradilan No.253 Desember 2006*, hlm. 24.
- ⁵¹ Menurut Pejelasan Pasal 49 huruf i yang dimaksud dengan "ekonomi syari'ah" adalah perbuatan atau kegiatan usaha yang dilaksanakan menurut prinsip syari'ah, antara lain meliputi: a. Bank Syari'ah, b. Lembaga kewangan mikro Syari'ah, c. Asuransi Syari'ah, d. Reasuransi Syari'ah, e. Reksa dana Syari'ah, f. Obligasi Syari'ah dan surat berharga berjangka menengah Syari'ah, g. Sekuritas Syari'ah, h. Pembiayaan Syari'ah, i. Pegadaian Syari'ah, j. Dana pensiun lembaga kewangan Syari'ah, k. Bisnis Syari'ah.
- ⁵² UUPS 2008 telah memberikan peruntukan yang jelas dalam BAB IX Pasal 55 Ayat (2) yang menyatakan: Dalam hal para pihak telah menjanjikan penyelesaian sengketa selain sebagaimana dimaksud pada ayat (1), penyelesaian sengketa dilakukan sesuai dengan isi akad. Peruntukan ini, pada dasarnya dimaksudkan bagi akad yang telah dibuat sebelum digubalnya UUPS, sepertimana perkataan "telah diperjanjikan" yang ditebalkan. Namun demikian, sebahagian orang memberi makna bahawa peruntukan tersebut memberi kebebasan bagi penggunaan institusi mahkamah dalam pengendalian kes perbankan Islam.
- ⁵³ Ro'fah Setyowati & Sakina Shaik Ahmad Yusoff, *Perlindungan Pengguna di Indonesia dalam Penyelesaian Pertikaian Perbankan Islam*, (2013) 17 JUUM 37 – 44, hlm. 42.
- ⁵⁴ Satjipto Rahardjo, 2008, *Membedah Hukum Progresif*, Penerbit Buku Kompas, Jakarta, hlm. 265.
- ⁵⁵ Kes Arab Malaysian Finance Bhd v Taman Ihsan Jaya & Ors, mahkamah memutuskan bahawa transaksi (bay Bitaman Ajil) BBA bertentangan dengan dengan ABI 1983 dan ABDIK 1989, kerana dianggap mempunyai elemen yang bertentangan dengan agama Islam. Lihat Mohamad Syafi qe bin Abdul Rahim, Ke arah kerangka perundangan perbankan Islam yang komprehensif di Malaysia: Isu, cabaran dan penyelesaian, *Kertas Kerja, Research and Islamic studies: Addressing contemporary challenges and future prospect*, Kuala Lumpur, 2008, hlm 71.
- ⁵⁶ Kes Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) v Tinta Press Sdn. Bhd, [1986] MLJ 256; [1987] 1 CLJ 474. lihat Mohamad Syafi qe bin Abdul Rahim, Ke arah kerangka perundangan perbankan Islam yang komprehensif di Malaysia : Isu, cabaran dan penyelesaian, *Kertas Kerja, Research and Islamic studies : Addressing contemporary challenges and future prospect*, Kuala Lumpur, 2008, hlm 69.
- ⁵⁷ Kes Bank Malaysia Berhad v Pasaraya Peladang Sdn. Bhd. [2004] 7 MLJ 355. Lihat Noor Inayah Yaakub, Fatimah Yusro Hashim, Jasri Jamal, Akta Bank Islam 1983 : "Kesamaran Perkara Asas Terhadap Konsep Riba dan bay' Murabahah", dalam Sakina Shaik Ahmad Yusoff, Anisa Che Ngah, Zainatul Ashiqin Zainol, Noor Inayah Yaakub, Hasani Mohd Ali, *Undang-undang Dalam Era Teknologi*, Fakulti Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008, hlm 269.
- ⁵⁸ Hizri Hasshan, *Islamic Finance Litigation: Problems within the Malaysian Civil Courts Structure*, (2016) 20 JUUM 33 – 42, hlm.38.
- ⁵⁹ Ro'fah Setyowati, *Thesis (S3)*, *Penyelesaian Sengketa Perbankan Islam di Indonesia dalam Perspektif Perlindungan Pengguna*, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 2012, hlm 473-491.
- ⁶⁰ Liputan Khusus : Sengketa Ekonomi Syariah : Publik Percaya Peradilan Agama, *Majalah Peradilan Agama*, Edisi 4, Juli 2014, hlm. 22.
- ⁶¹ Salah satu hasil penelitian Rika Lianita dari Fakultas Hukum Universitas Jember tentang Tinjauan Yuridis Terhadap penyelesaian Sengketa Perbankan Syariah di Pengadilan Negeri (PN) Samarinda pada tahun 2013, disebutkan bahwa salah satu penyebab penyelesaian sengketa ekonomi syariah di PN ialah karena faktor kepercayaan publik. Lihat Liputan Khusus : Sengketa Ekonomi Syariah : Publik Percaya Peradilan Agama, *Majalah Peradilan Agama*, Edisi 4, Juli 2014, hlm. 17-18.
- ⁶² Ro'fah Setyowati, dkk, *Kompetensi Hakim Peradilan Agama Dalam Menangani Sengketa Perbankan Syariah Di Indonesia*, *Kertas kerjaKonsorsium Hukum Progresif 2014, "Pendidikan Tinggi dan Akses Terhadap Keadilan"*, Satjipto Rahardjo Institute, Semarang, 14-15 Nop 2014, hlm. 16.
- ⁶³ Ro'fah Setyowati & Sakina Shaik Ahmad Yusoff, *Perlindungan Pengguna di Indonesia dalam Penyelesaian Pertikaian Perbankan Islam*, (2013) 17 JUUM 37 – 44, hlm. 42.

- ⁶⁴ Abdul Ghofur Anshori, Sejarah Perkembangan Hukum Perbankan Syariah di Indonesia dan Implikasinya bagi Praktik Perbankan Nasional, *Jurnal Ekonomi Islam La Riba*, Vol. II, No. 2, Desember 2008, hlm.171.
- ⁶⁵ Muhammad Arifin, BismarNasution, The Dynamics Study of Regulations on Syariah Banking Indonesia, *International Journal of Humanities and Social Science*, Vol. 5, No. 3; March 2015, p.242.
- ⁶⁶ Ro'fahSetyowati, 2012c, *Thesis (S3)*, PenyelesaianPertikaian Perbankan Islam di Indonesia dalamPerspektifPerlindunganPengguna, UniversitiKebangsaan Malaysia (UKM), hlm. 473-491.
- ⁶⁷ Rofah Setyowati, PenentuanLembagaPenyelesaianSengketaPerbankanSyariahBerdasarPutusan Mahkamah Konstitusi Nomor 93/PUU-X/2012, Sharing Knowledge Departemen Perbankan Syariah (DPBS) OJK, 9 September 2015, hlm. 1.
- ⁶⁸ Ro'fahSetyowati, PenyelesaianSengketaPerbankanSyariah Di Indonesia BerbasisSyariah: PengalamanPraktis Di Indonesia, *Kertas kerjaSeminar Nasionaldan Call For Papers Hukum Islam danPermasalahanPenegakannya di Indonesia*, Tema seminar : Penegakan Hukum Perbankan Syariah Berbasis Syariah, FakultasHukumUniversitasDiponegoro, Semarang, 19 September 2012, hlm. 19.
- ⁶⁹ Abdulqadir Ibrahim Abikan, Islamic Banking Disputes: Between Judicial Pluralism and ADR, *International Conference on Islamic Banking & Finance: Cross Border Practices & Litigations (15-16 June 2010)*, Department of Islamic Law, Faculty of LawUniversity of Ilorin-Nigeria, hlm.1.
- ⁷⁰ Rofah Setyowati, PenentuanLembagaPenyelesaianSengketaPerbankanSyariahBerdasarPutusan Mahkamah Konstitusi Nomor 93/PUU-X/2012, *Kertas Kerja*, Sharing Knowledge Departemen Perbankan Syariah (DPBS) OJK, Jakarta, 9 September 2015, hlm. 13.
- ⁷¹ Rofah Setyowati, PenentuanLembagaPenyelesaianSengketaPerbankanSyariahBerdasarPutusan Mahkamah Konstitusi Nomor 93/PUU-X/2012, *Kertas Kerja*, Sharing Knowledge Departemen Perbankan Syariah (DPBS) OJK, Jakarta, 9 September 2015, hlm. 13.
- ⁷² SatjiptoRahardjo, Tanpatahun, KepastianHukum, Bahanbacaanuntukmahasiswa PDIH Undip, hlm. 4
- ⁷³ Ro'fahSetyowati, PenyelesaianSengketaPerbankanSyariah Di Indonesia BerbasisSyariah: PengalamanPraktis Di Indonesia, *Kertas kerjaSeminar Nasionaldan Call For Papers Hukum Islam danPermasalahanPenegakannya di Indonesia*, Tema seminar : PenegakanHukumPerbankanSyariahBerbasisSyariah, FakultasHukumUniversitasDiponegoro, Semarang, 19 September 2012, hlm. 19.
- ⁷⁴ Ikhsan Al Hakim, PenyelesaianSengketaEkonomiSyariah di Pengadilan Agama, *JurnalPendecta*, Volume 9, Nomor 2, Januari 2014, ISSN 1907-8919, UNNES, 2014, hlm. 296-287.
- ⁷⁵ Mardani, PenyelesaianSengketaBisnisSyariah, *JurnalMimbarHukum*, Volume 22, Nomor 2, Juni 2010, hlm 298-310.
- ⁷⁶ WeryGusmansyah, PenyelesaianSengketaPerbankanSyariahMenurutUndang-undangNomor 21 Tahun 2008, *Artikeltanpatahundangtidakditerbitkan*.
- ⁷⁷ Ro'fahSetyowati, Disertasi, PenyelesaianPertikaianPerbankan Islam di Indonesia dariPerspektifPerlindunganPengguna, *FakultiUndang-undang*, UniversitiKebangsaan Malaysia, 2012, hlm. 478.
- ⁷⁸ HizriHasshan, Islamic Finance Litigation: Problems within the Malaysian Civil Courts Structure, (2016) 20 JUUM 33 – 42, p.39.
- ⁷⁹ Ro'fah Setyowati, dkk, Kompetensi Hakim Peradilan Agama Dalam Menangani Sengketa Perbankan Syariah Di Indonesia, *kertas kerja, Konsorsium Hukum Progresif 2014, "Pendidikan Tinggi dan Akses Terhadap Keadilan"*, *Satjipto Rahardjo Institute*, Semarang, 14-15 Nop 2014, hlm. 15-16.
- ⁸⁰ LiputanKhusus :SengketaEkonomiSyariah : PublikPercayaPeradilan Agama, *MajalahPeradilan Agama*, Edisi 4, Juli 2014, hlm. 19.
- ⁸¹ Salah satu hasil penelitian Rika Lianita dari Fakultas Hukum Universitas Jember tentang Tinjauan Yuridis Terhadap penyelesaian Sengketa Perbankan Syariah di Pengadilan Negeri (PN) Samarinda pada tahun 2013, disebutkan bahwa salah satu penyebab penyelesaian sengketa ekonomi syariah di PN ialah karena faktor kepercayaan publik. Lihat LiputanKhusus : SengketaEkonomiSyariah : PublikPercayaPeradilan Agama, *MajalahPeradilan Agama*, Edisi 4, Juli 2014, hlm. 17-18.
- ⁸² Wahsi Prasodjo, Branc Manajer, BNI Syariah Cabang Yogyakarta, Wawancara, 9 Oktober 2014.
- ⁸³ SengketaEkonomiSyariah :PublikPercayaPeradilan Agama, *MajalahPeradilan Agama*, Edisi 4, Juli 2014, hlm. 63.
- ⁸⁴ UmmiUzma , EksekusiPutusanBasyarnasSebagaiKewenanganPengadilan Agama, *JurnalHukumdan PembangunanTahun ke-44 No.3 Juli-September 2014*, p. 400-401.
- ⁸⁵ UmmiUzma , EksekusiPutusanBasyarnasSebagaiKewenanganPengadilan Agama, *JurnalHukumdan PembangunanTahun ke-44 No.3 Juli-September 2014*, p. 401.
- ⁸⁶ Kholis, Hakim PA Pati, komunikasi melalui telephone, 13 Nopember 2014.
- ⁸⁷ Wahyudi, Hakim PA Riau, komunikasi melalui telepone, 13 Nopember 2014.

- ⁸⁸ Hampir semua hakim di jajaran BADILAG telah mengikuti pelatihan-pelatihan kecil, meskipun belum sampai pada tahap sertifikasi. Kholis, Hakim PA Pati, komunikasi melalui telepon, 13 Nopember 2014.
- ⁸⁹ Konsideran c, d, dan e PERMA Nomor 5 Tahun 2016 Tentang Sertifikasi Hakim Ekonomi Syariah
- ⁹⁰ <http://mediaindonesia.com/news/read/119201/baru-120-hakim-bersertifikasi-ekonomi-syariah/2017-08-24>
- ⁹¹ AishathMuneeza, Legislative Conflicts Facing Islamic Banking in Malaysia, A.S. Nordeen, Kuala Lumpur, 2015, hlm. 241.
- ⁹² UmmiUzma , EksekusiPutusanBasyarnasSebagaiKewenanganPengadilan Agama, *JurnalHukumdan Pembangunan*Tahun ke-44 No.3 Juli-September 2014, p. 403.
- ⁹³ SurianomMiskam et al, Reference to the Shari ‘ah Advisory Council in Islamic Finance: Preliminary Analysis on Civil Court Decisions, Proceedings of the Social Sciences Research ICSSR 2014 (e-ISbN 978-967-11768-7-0). 9-10 June 2014, Kota Kinabalu, Sabah.
- ⁹⁴ Hizri Hasshan, Islamic Finance Litigation: Problems within the Malaysian Civil Courts Structure, (2016) 20 JUUM 33 – 42, p.41.
- ⁹⁵ Abdul Rasyid, Januari 2017, <http://business-law.binus.ac.id/2017/01/30/tata-cara-penyelesaian-perkara-ekonomi-syariah/>
- ⁹⁶ Konsideran c, d, dan e Peraturan Mahkamah Agung Nomor 14 Tahun 2016 tentang Tata Cara PenyelesaianSengketaEkonomiSyariah.
- ⁹⁷ Amran Suadi, Penyelesaian Sengketa Ekonomi Syariah Teori dan Praktik, Kencana, Jakarta, 2017, hlm. 116.

RUJUKAN

- Mukti Arto, A. 2006. Garis Batas Kekuasaan Peradilan Agama dan Pengadilan Negeri, Penerapan Asas Personalitas KeIslaman sebagai Dasar Penentuan Kekuasaan Peradilan Agama, dalam *Varia Peradilan No.253 Desember*.
- Abdul Ghofur Anshori. 2008. Sejarah Perkembangan Hukum Perbankan Syariah di Indonesia dan Implikasinya bagi Praktik Perbankan Nasional, *Jurnal Ekonomi Islam La Riba, Vol. II, No. 2, Desember*.
- Abdul Rasyid. 2017. Januari, <http://business-law.binus.ac.id/2017/01/30/tata-cara-penyelesaian-perkara-ekonomi-syariah/>
- Abdulqadir Ibrahim Abikan. 2010. Islamic Banking Disputes: Between Judicial Pluralism and ADR, International Conference on Islamic Banking & Finance: Cross Border Practices & Litigations (15-16 June), Department of Islamic Law, Faculty of LawUniversity of Ilorin-Nigeria.
- Aishath Muneeza. 2015. Legislative Conflicts Facing Islamic Banking in Malaysia, A.S. Nordeen, Kuala Lumpur,.
- Ali Mansur. 2007. *Penegakan Hukum Tentang Tanggung Gugat Produsen dalam Perwujudan Perlindungan Konsumen*, Genta Press, Yogyakarta.
- Amran Suadi. 2017. Penyelesaian Sengketa Ekonomi Syariah Teori dan Praktik, Kencana, Jakarta.
- Azhari, Perlindungan Hukum bagi Pengguna Perbankan Syariah, Hakim Pengadilan Agama Tanah Grogot.
- Christie Ding Yean Joon & Sakina Shaik Ahmad Yusoff. 2016. Perkembangan Perlindungan Pengguna: Cabaran dan Hala Tuju Institusi Pelindung Pengguna di Malaysia, 20 JUUM 71 – 82.
- Danah Zohar dan Ian Marshall. 2001. terjemahan Rahmani Astuti, Ahmad Najib Burhani, Ahmad Baiquni, SQ, Memanfaatkan Kecerdasan Spiritual Dalam Berpikir Integralistik dan Holistik untuk Memaknai Kehidupan, Mizan, Bandung,.
- Faturrahman Djamil. 2012. *Penyelesaian Pembiayaan Bermasalah di Bank Syariah*, Sinar Grafika, Jakarta.
- Howells, G., Ramsay, I., Wilhelmsson, T. & Kraft, D. 2010. Handbook of Research on International Consumer Law, Edward Elgar Publishing Limited, United Kingdom,.
- Hizri Hasshan. 2016. Islamic Finance Litigation: Problems within the Malaysian Civil Courts Structure, (2016) 20 JUUM 33 – 42.
- Ikhsan Al Hakim. 2014. Penyelesaian Sengketa Ekonomi Syariah di Pengadilan Agama. *Jurnal Pendetca*, Volume 9, Nomor 2, Januari 2014, ISSN 1907-8919, UNNES.
- Islamic Finance Country Index 2016. Global Islamic Finance Report 2016.
- Liputan Khusus : Sengketa Ekonomi Syariah : Publik Percaya Peradilan Agama, *Majalah Peradilan Agama*, Edisi 4, Juli 2014.

- Majia Holmer Nadesan. 1999. The Discourses Of Corporate Spiritualism And Evangelical Capitalism, *Management Communication Quarterly*, Vol. 13, No. 1, August 1999 3-42.
- Mardani. 2010. Penyelesaian Sengketa Bisnis Syariah, *Jurnal Mimbar Hukum*, Volume 22, Nomor 2, Juni 2010.
- Mohamad Syafiqe bin Abdul Rahim. 2008. Ke arah kerangka perundangan perbankan Islam yang komprehensif di Malaysia: Isu, cabaran dan penyelesaian, *Kertas Kerja*, Research and Islamic studies: Addressing contemporary challenges and future prospect, Kuala Lumpur.
- Muhammad Arifin,.2015. Bismar Nasution, The Dynamics Study of Regulations on Syariah Banking Indonesia, *International Journal of Humanities and Social Science*, Vol. 5, No. 3; March.
- Nasution, A. Z. 1995. *Konsumen dan Hukum, Tinjauan Sosial, Ekonomi dan Hukum pada Perlindungan Konsumen Indonesia*, Pustaka Sinar Harapan, Jakarta.
- Noor Inayah Yaakub, Fatimah Yusro Hashim, Jasri Jamal. 2008. Akta Bank Islam 1983 : “Kesamaran Perkara Asas Terhadap Konsep Riba dan bay’ Murabahah”, dalam Sakina Shaik Ahmad Yusoff, Anisa Che Ngah, Zainatul Ashiqin Zainol, Noor Inayah Yaakub, Hasani Mohd Ali. 2008. Undang-undang Dalam Era Teknologi, *Fakulti Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- OJK. 2016. *Roadmap Perbankan Syariah Indonesia 2015-2019*, Departemen Perbankan Syariah.
- Ramlan Yusuf Rangkuti. 2011. Sistem Penyelesaian Sengketa Ekonomi Islam: Instrumen Penting bagi Konsep Ekonomi Islam Mendatang , *Asy-Syir’ah Jurnal Ilmu Syari’ah dan Hukum* Vol. 45 No. II, Juli-Desember.
- Republika. 2012. Percepatan Pertumbuhan Bank Syariah, Kamis, 29 Maret.
- Ro’fah Setyowati & Sakina Shaik Ahmad Yusoff. 2013. Perlindungan Pengguna di Indonesia dalam Penyelesaian Pertikaian Perbankan Islam, (2013) 17 *JUUM* 37-44.
- Ro’fah Setyowati. 2012. “Hak Spiritual Nasabah Perbankan Syariah Dalam Perspektif Undang-undang Perlindungan Konsumen di Indonesia, Prosiding Seminar Penegakan Hukum perbankan Syariah berbasis Syariah dan *Call For Paper* Perkembangan Hukum Islam dan Permasalahan Penegakannya di Indonesia, Fakultas Hukum Universitas Diponegoro, Semarang, 19 September.
- Ro’fah Setyowati. Dkk. 2014. Kompetensi Hakim Peradilan Agama Dalam Menangani Sengketa Perbankan Syariah Di Indonesia, *Kertas kerja Konsorsium Hukum Progresif 2014, “Pendidikan Tinggi dan Akses Terhadap Keadilan”*, Satjipto Rahardjo Institute, Semarang, 14-15 Nop 2014.
- Ro’fah Setyowati. 2015. Perlindungan ‘Hak Spiritual’ Dalam Penyelesaian Sengketa Perbankan Syariah :Praktik di Malaysia dan Indonesia, *The First International Conference on Shari’ah Oriented Public Policy in Islamic Economic System, ICoSOPP 2014-139, 30-31 March 2015, Ar-Raniry State Islamic University, Banda Aceh, Indonesia*.
- Ro’fah Setyowati. 2010. Perlindungan “Khusus” bagi Nasabah Perbankan Syariah dalam Perspektif Perlindungan Konsumen, *Jurnal Masalahmasalah Hukum*, Jilid 39, No. 3, September.
- Ro’fah Setyowati, Sakina Shaik Ahmad Yusoff, Noor Inayah Yakob, Jasri Jamal. 2011. Akses Kepada Keadilan Konsumen Perbankan Islam: Isu dan Penyelesaiannya, *Prosiding International Legal Conference 2011 (ILC2011)*, College Of Law, Government and International Studies Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia, 19-20 November.
- Ro’fah Setyowati, Sakina Shaik Ahmad Yusoff. 2011. Hak-Hak Konsumen Perbankan Islam Di Indonesia: Pendekatan Harmonisasi Terhadap Perundangan Sedia Ada, *Kertas kerja, Seminar Kebangsaan Persatuan Ekonomi Pengguna Dan Keluarga Malaysia* (Macfea) Ke-15, 19-20 Juli.
- Ro’fah Setyowati. 2012. *Thesis*, Penyelesaian Pertikaian Perbankan Islam di Indonesia dalam Perspektif Perlindungan Pengguna, *Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*,.
- Ro’fah Setyowati. 2015. Penentuan Lembaga Penyelesaian Sengketa Perbankan Syariah Berdasar Putusan Mahkamah Konstitusi Nomor 93/PUU-X/2012, *Sharing Knowledge Departemen Perbankan Syariah (DPBS) OJK*, 9 September.
- Ruzian Markom, Noor Inayah Yaakub & Wan Hafizuddin. 2011. The Role of Shariah Advisory Council (SAC) in Islamic Finance Dispute Resolution : Malaysian Experience, *Prosiding Kebangsaan Dispute Resolution*, *Fakulti Undang-Undang UKM*.
- Sakina Shaik Ahmad Yusoff. 2007. Perlindungan Pengguna di Malaysia: Falsafah dan Politik, Dlm. Sakina Shaik Ahmad Yusoff *et al.* Undang-undang Komersial dan Pengguna, *Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia*, Jilid 6, Dewan Bahasa dan Pustaka,.
- Santoso dan Suhadi. 2015. Periodisasi Perkembangan Hukum Perbankan Syariah Di Indonesia, *Jurnal YUDISIA*, Vol. 6, No. 1, Juni.
- Satjipto Rahardjo. 2008. *Membedah Hukum Progresif*, Penerbit Buku Kompas, Jakarta.
- Satjipto Rahardjo. Tanpa tahun. *Kepastian Hukum*, Bahan bacaan untuk mahasiswa PDIH Undip.
- Sayed Hossein Nasr. 2002. *The Heart of Islam: Enduring Values for Humanity*, With Harper Sanfrancisco, a division of Harper Collins Publisher, Inc, New York, USA. 2002. hlm XIX.

-
- Surianom Miskam, *et al.* 2014. Reference to the Shari ‘ah Advisory Council in Islamic Finance: Preliminary Analysis on Civil Court Decisions, Proceedings of the Social Sciences Research ICSSR 2014 (e-ISbN 978-967-11768-7-0). 9-10 June, Kota Kinabalu, Sabah.
- Syihabuddin. 2012. Peran Pemerintah Dalam Pengembangan Perbankan Syariah Di Indonesia, Economic: *Jurnal Ekonomi dan Hukum Islam*, Vol. 2, No. 1.
- Ummi Uzma. 2014. Eksekusi Putusan Basyarnas Sebagai Kewenangan Pengadilan Agama, *Jurnal Hukum dan Pembangunan Tahun ke-44 No.3* Juli-September 2014.
- Wery Gusmansyah. Penyelesaian Sengketa Perbankan Syariah Menurut Undang-undang Nomor 21 Tahun 2008, Artikel tanpa tahun dan tidak diterbitkan.
- Westmont Horizon. January 30, 2007. <http://www.westmont.edu/~work/articles/spiritualjustice.html>.
- William R. Miller, Carl E. Thoresen. 2003. Spirituality, Religion, and Health, An Emerging Research Field, January 2003. American Psychologist Copyright 2003 by the American Psychological Association, Inc. 0003-066X/03/\$12.00, Vol. 58, No. 1, 24–35, DOI: 10.1037/0003-066X.58.1.24
<http://mediaindonesia.com/news/read/119201/baru-120-hakim-bersertifikasi-ekonomi-syariah/2017-08-24>

Dr. Ro’fah Setyowati
Fakultas Hukum
Universitas Diponegoro (UNDIP)
Semarang
Indonesia
Emel : rofahundip@gmail.com

Professor Madya Dr. Sakina Shaik Ahmad Yusoff
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
Emel: kinasay@ukm.edu.my